



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2361]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2396]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) [Ruangan 2396]

Rang Undang-undang Pinjaman (Stok Penimbai Timah Antarabangsa)
[Ruangan 2450]

USUL:

Pemangguhan Mesyuarat [Ruangan 2452]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.K.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,
J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- " Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN P.S.M., J.M.N., (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., J.M.N. (Pulau).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- " Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- " Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- " Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LONG SUE (Mata Kuching).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARU BIN AWANG (Kuala Krai).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATIMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL-RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- " DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- " TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu)
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ylu Nerus).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- " TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- " TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- " TUAN HAJI MOHD. TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- " DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- " RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang)
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Betuas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kempas).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S., (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 15hb Jun, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERDAGANGAN MALAYSIA/JEPUN

1. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau merasa puashati dengan kedudukan perdagangan di antara negara kita dan negara Jepun memandangkan kepada keadaan yang lebih baik bagi pihak Jepun bertahun-tahun; jika tidak, apakah tindakan yang dicadangkan bagi memperbaiki kedudukan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat sedikit jika dikatakan kedudukan perdagangan antara Malaysia dengan negara Jepun lebih baik dari pihak Jepun sejak bertahun-tahun. Kedudukan imbalan perdagangan di antara kedua-dua negara ini adalah lebih baik bagi pihak Malaysia sehingga 1971. Pada tahun 1970 Malaysia mendapat lebihan imbalan perdagangan sebanyak \$195.3 juta dan \$52.5 juta pada tahun 1971. Hanya semenjak tahun 1972 sahaja Malaysia mengalami kemerosotan di dalam perimbangan perdagangannya dengan negara Jepun. Kemerosotan ini telah meningkat ke peringkat yang paling tinggi sekali dalam tahun 1974 iaitu sebanyak \$483 juta. Walau bagaimanapun, kemerosotan ini telah mula berkurangan pada tahun 1975 iaitu sebanyak \$381.6 juta.

Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk memesatkan lagi barang-barang eksport ke negara Jepun. Langkah-langkah

ini termasuklah menghantar rombongan perdagangan ke negara Jepun. Di samping itu, Kerajaan terus menggesa negara tersebut melalui pertemuan dengan Menteri-menterinya, pegawai-pegawai tinggi, ahli-ahli perdagangan Jepun yang datang ke Malaysia untuk melebihi lagi impot barangan dari Malaysia. Malaysia juga mengadakan rundingan dengan Kerajaan Jepun secara terus atau bersama-sama dengan negara-negara ASEAN mengenai barang-barang seperti getah asli, nenas dalam tin dan juga menerusi Multilateral Trade Negotiation yang dilakukan di Geneva pada masa ini.

Tujuan utama rundingan dengan pihak MTN ini ialah untuk mendapatkan ke-longgaran perdagangan seperti pengecualian ataupun pengurangan tarif dan sekatan-sekatan yang lain yang menjejaskan perdagangan. Rundingan ini juga memberi peluang kepada negara-negara membangun untuk mendapatkan syarat-syarat kemasukan ke pasaran negara-negara yang maju yang lebih baik dan berfaedah untuk barangan-barangan eksport mereka.

PENYAKIT PEREMPUAN (VENEREAL DISEASE)

2. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kes-kes penyakit perempuan (venereal disease) yang telah dirawat di Hospital-hospital di semenanjung Malaysia Barat dalam tahun 1975, 1974, 1973, 1972;
- (b) berapa ramaikah penuntut-penuntut sekolah dan kolej yang didapati mengidap penyakit ini dalam lima tahun yang lepas; dan
- (c) adakah rancangan-rancangan untuk mengadakan program pelajaran dan penyelidikan untuk menyedarkan orang ramai dan juga penuntut-penuntut berkenaan dengan penyakit ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kes-kes penyakit perempuan yang telah dirawat di hospital-hospital di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

Bagi kes baru:

<i>Tahun</i>	<i>Kes</i>
1972	5,339
1973	5,229
1974	5,132
1975	4,803

Bagi yang hadir semula untuk rawatan:

<i>Tahun</i>	<i>Hadir Semula</i>
1972	8,888
1973	9,345
1974	7,745
1975	8,289

- (b) Kementerian saya tidak mempunyai maklumat-maklumat mengenai berapa ramai penuntut-penuntut sekolah dan Kolej yang didapati mengidap penyakit ini.
- (c) Ya, rancangan pelajaran untuk "tertiary institution" telahpun dimulakan dan aspek-aspek pelajaran untuk orang ramai dan penuntut-penuntut sekolah sedang dalam perhatian kami.

BIRO BANTUAN GUAMAN

3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Mafid minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah sebenarnya peranan yang dimainkan oleh Biro Bantuan Guaman di setiap negeri di Malaysia dan sejauh manakah kemajuannya setakat ini; adakah peranan Biro Bantuan Guaman ini meliputi pada keseluruhannya untuk memberikan bantuan guaman kepada orang ramai dan jika ya, apakah yang telah dibuat untuk mencapai matlamat ini dan nyatakan berapakah jumlah bantuan wang yang telah diberikan kepada orang ramai.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusoff): Tuan Yang di-Pertua, peranan utama yang dimainkan oleh Biro Bantuan Guaman di setiap buah negeri di Malaysia adalah untuk menyebarkan dan membawa Perkhidmatan Bantuan Guaman lebih dekat lagi kepada golongan

miskin yang ada disegenap pelusuk dan sekitar negeri masing-masing. Tiap-tiap cawangan Biro di peringkat negeri diketuai oleh seorang Peguam Persekutuan merangkap Penolong Pengarah Negeri serta pula dibantu oleh beberapa orang kakitangan pembantu seperti Pembantu Kedua Undang-undang Jurubahasa, Pegawai Kerani dan lain-lain. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kakitangan ini pada menerima, memproses, menyiasat, memberi nasihat dan menyediakan kes-kes untuk perwakilan di Mahkamah bagi tiap-tiap permohonan yang diterima di cawangan masing-masing. Setakat ini Perkhidmatan Bantuan Guaman boleh didapati di negeri-negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang. Langkah-langkah tegas sedang diambil untuk menubuhkan cawangan-cawangan negeri Perak dan Pulau Pinang di dalam tahun 1976 ini juga, dan dengan demikian menjelang tahun 1977 keseluruhan Semenanjung Malaysia akan diliputi oleh Perkhidmatan Bantuan Guaman.

Kalau saya tidak salah di Perak telahpun ditubuhkan pejabatnya, di Pulau Pinang masih lagi sibuk menyiapkan pejabat di dalam Bangunan Mahkamah tetapi sekiranya lambat juga saya telah arahkan sewalah mana-mana bangunan supaya lekas diadakan di Pulau Pinang.

Perkhidmatan Bantuan Guaman mendapat kuasanya daripada Akta Bantuan Guaman, 1971. Tujuan utama perkhidmatan ini ialah untuk memberi perkhidmatan perwakilan Undang-undang dan nasihat guaman kepada golongan miskin mengenai masalah yang mereka hadap. Bidang bantuan tersebut adalah terkandung dalam Jadual Kedua, Ketiga dan Keempat Akta Bantuan Guaman, 1971. Pada permulaannya dahulu perkhidmatan ini adalah terbatas kepada perkara-perkara berhubung dengan Perbicaraan Sivil dan hanya satu perkara dalam bidang nasihat. Pada masa ini Biro Bantuan Guaman memberi bantuan penuh dan perwakilan dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah dimana pesalah-pesalah yang tidak diwakili oleh peguam, mengaku salah atas tuduhan yang dihadapinya dan ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman.

Bantuan Guaman Penuh dan perwakilan juga diberi dalam 9 perkara berhubung dengan Perbicaraan-perbicaraan Sivil, perkhidmatan nasihat pula meliputi 3 perkara.

Senarai kes ini akan terus bertambah dengan perkara-perkara baru dari masa ke semasa hinggalah akhirnya nanti masala-masala yang menyentuh golongan yang tidak berkemampuan dapat diliputi sepenuhnya. Selain dari itu konsep Bantuan Guaman juga telah diperluaskan hingga meliputi Perkhidmatan Penerangan dalamana ceramah mengenai perkara undang-undang diberi kepada penduduk-penduduk luar bandar. Suatu sekim yang dipanggil dengan nama Perkhidmatan Perguaman Luar bandar telah juga dibentuk. Pegawai-pegawai dan kakitangan Biro akan keluar secara berkala ke kawasan-kawasan pendalaman sesebuah negeri untuk memberi bantuan dan nasihat di tempat itu juga.

Kesusahan kita ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah negeri kita ini besar dan luas, bukan macam negeri Singapura iaitu satu city state, Bantuan Guaman itu senang sedikit hendak didapati kerana tempat itu kecil. Tetapi negeri kita macam di Pahang sahaja kalau pejabatnya di Kuantan sahaja hendak meliputi seluruh negeri Pahang itu memanglah sukar, tetapi walau bagaimanapun kita akan sampaikan segala perkhidmatan itu sehingga keluar bandar.

Mulai 1hb Mac, 1976 yang lalu, satu Rancangan Usaha dan Penyertaan Bersama antara Perkhidmatan Bantuan Guaman dengan Kementerian Kebajikan Am telah dilaksanakan. Rancangan Penyertaan Bersama ini disusun untuk memberi kemudahan yang sangat-sangat diperlukan oleh golongan yang tidak berada sambil menggalakkan mereka mengambil kesempatan daripada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan itu. Tanpa kemudahan yang baru dilancarkan ini pemohon-pemohon terpaksa berjalan berpuluh atau beratus batu untuk tiba di cawangan-cawangan Biro yang mana kesemuanya berpejabatkan di kepala negeri masing-masing.

Di bawah sekim bantuan guaman tidak ada bantuan wang secara langsung diberi kepada orang ramai.

Dengan adanya sekim baru ini maka senanglah rakyat jelata kita yang miskin di daerah-daerah boleh berjumpa dengan Pegawai Kebajikan Am di tiap-tiap daerah meminta permohonan dan mana yang dapat diselesaikan di situ boleh diselesaikan dan mana yang berkehendak bantuan undang-undang akan dirojok kepada Ibu Pejabat.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar banyak penduduk-penduduk luar bandar yang terlibat dalam kemalangan-kemalangan jalanraya tidak mendapat pertolongan daripada Bantuan Guaman ini. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang akan memberi keutamaan kepada kes-kes kemalangan yang terlibat kepada penduduk-penduduk di luar bandar ini untuk memberi Bantuan Guaman.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup sedar kerana di kawasan saya sendiri ada banyak kemalangan yang tidak mendapat bantuan daripada Bantuan Guaman ini. Perkara ini baru diperluaskan pada tahun lepas tetapi sayangnya kebanyakan orang-orang kampung kita apakala mendapat kemalangan sepatutnya mereka itu, mengikut sekim sekarang, hendaklah lekas berjumpa dengan Pegawai Kebajikan Am yang ada di kawasan itu atau terus berjumpa kepada Pegawai Bantuan Guaman, tetapi sebelum dia sempat berjumpa, kakitangan atau talibarut yang ada ini pula datang berlari-lari, kadang-kadang suami itu masih lagi sakit dalam hospital sudah menunggu di rumah, sudah menempa ambillah loyar ini dan buat satu perjanjian. Ini yang malangnya. Penerangan ini hendaklah diberikan kepada rakyat jelata melalui penerangan Pejabat Penerangan dan juga saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri apakala melawat kawasannya menerangkan ada bantuan ini dan jangan sekali-kali lekas dipujuk oleh orang-tengah. Itulah caranya yang dapat kita menolong mereka itu kerana bayarannya adalah jauh lebih murah daripada menggunakan Peguam kerana bantuan ini adalah diberi dengan percuma. Itulah yang dapat saya terangkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada tiap-tiap negeri telah mempunyai Biro Bantuan Guaman untuk memberi bantuan kepada orang yang miskin.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi seluruh Malaysia melainkan Sabah dan Sarawak belum lagi. Pulau Pinang dan Negeri Perak akan diadakan pada tahun ini juga dan di daerah pun sudah saya sebutkan tadi cara-caranya.

KERAJAAN SINGAPURA BONGKAR RAHSIA KOMINIS

4. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah Kerajaan Singapura dapat membongkar rahsia kegiatan Kominis terhadap Kerajaan Malaysia sebagaimana yang tersiar dalam *Utusan Melayu*, *Utusan Malaysia* dan lain-lain berserta dengan gambar-gambarnya sekali baru-baru ini, dan adakah ini menunjukkan kurang cekapnya pasukan Perisik kita.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya sangat dukacita menengokkan soalan ini seolah-olah Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang tidak mendapat perkhabaran bahawa kita telah beberapa kali dalam tiap-tiap bulan mendedahkan cara-cara aktiviti kominis.

Soal gambar yang dipublishkan di dalam akhbar-akhbar kita di sini itu yang sebetulnya gambar ini bukanlah gambar baru. Kita telah mendapat gambar ini pada tahun 1974 tetapi kita berasa bahawa tidak ada menaifnya kalau gambar ini disiarkan di dalam akhbar-akhbar kerana ini akan menguntungkan pihak kominis pada masa kita mendapat gambar-gambar itu sebab akan menunjukkan bahawa gambar ini yang sebetulnya gambar (posing) untuk hendak menaikkan perasaan megah buat mereka. Jadi pada masa itu kita menimbangkan di antara gambar-gambar propaganda dengan gambar-gambar intelligence kita dapati bahawa tidak wajarnya kalau kita mempublishkan gambar itu tetapi kemudiannya apabila Singapura sudah published gambar itu, tidak ada benda kita boleh buat.

KILANG NENAS KEBANGSAAN

5. Tuan Abu Bakar bin Arifad (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan :

- (a) jumlah modal yang telah diperlukan bagi membina dan menjalankan pentadbiran Kilang Nenas Kebangsaan (1) di Pekan Nenas dan Kilang Nenas Kebangsaan (2) di Pulau Sebatang, Pontian, Johor;
- (b) adakah beliau sedar bahawa kedua-dua buah kilang nenas tersebut telah mengalami kerugian. Jika sedar, nyatakan apakah yang menyebabkan kerugian

itu dan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kerugian itu;

- (c) apakah rancangan-rancangan masa depan Kilang Nenas Kebangsaan (2) di Pulau Sebatang yang telah ditutup sejak beberapa bulan yang lalu; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk menyerahkan kedua-dua buah kilang yang tersebut kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor sekiranya Perbadanan tersebut berminat untuk mengambil-alih pentadbiran kilang-kilang itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak ditubuhkan modal yang telah dibelanjakan bagi membina dan membeli peralatan kedua-dua kilang nenas Syarikat Kilang Nenas Tanah Melayu Sendirian Berhad ialah sebanyak \$7,866,598.78 bagi Kilang Pekan Nenas dan \$8,050,681.32 bagi Kilang Pulau Sebatang. Jumlah modal bagi kedua-dua kilang ialah \$15,917,240.10. Sejak tahun 1973 hingga 1975 belanja pentadbiran pengeluaran dan pemasaran yang telah dibelanjakan ialah sebanyak \$46,233,220 bagi Kilang Pekan Nenas dan \$17,429,637 bagi Kilang Pulau Sebatang. Sementara ini belanja pentadbiran pengeluaran dan pemasaran bersama ialah \$6,725,403.
- (b) Kerajaan sedar bahawa kedua-dua kilang syarikat ini mengalami kerugian. Ahli Yang Berhormat tentulah sedar bahawa tujuan utama kilang-kilang ini dibuka ialah untuk menampung pengeluaran nenas daripada pekebun-pekebun kecil di sekitar kawasan berkenaan. Sejak tahun 1970 pengeluaran nenas daripada pekebun kecil telah berkurangan daripada 205,652 tan kepada 132,815 tan dalam tahun 1974. Sementara itu kedua-dua kilang mempunyai pengeluaran penuh sebanyak 171,000 tan setahun. Kekurangan bekalan ini bukan sahaja dari segi jumlah tan tetapi adalah juga dari segi jenis nenas yang sesuai untuk ditinkan. Kerumitan inilah yang menjadi masalah utama bagi syarikat ini, terutama sekali yang tidak mempunyai estate nenas sendiri. Keadaan ini menaikkan kos pentadbiran, pengeluaran dan pe-

masaran kerana kilang-kilang terpaksa berjalan di bawah keupayaan sepenuhnya. Di samping itu, syarikat ini mengalami tekanan inflasi dan kenaikan kos bahan-bahan seperti gula dan tin. Ia juga menghadapi persaingan hebat di pasaran antarabangsa oleh pengeluaran seberang laut. Bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan. Pentadbiran syarikat dan kilang-kilang telah dikemaskan dan diperbaiki. Tindakan hendak mengurangkan kos telah diambil. Kerajaan telah meneliti dengan sehalus-halusnya masalah kos ini dan mendapati bahawa berasaskan kepada bekalan nenas yang ada syarikat ini tidak perlu menjalankan kedua-dua kilangnya. Pemberhentian sementara pengeluaran kedua kilang telah dapat mengurangkan kos pentadbiran syarikat ini. FIMA juga sedang berunding dengan Kerajaan Johor untuk mendapatkan tanah untuk dijadikan estate nenas.

- (c) Buat masa sekarang FIMA sedang berikhtiar dengan giatnya supaya kilang di Pulau Sebatang dibuka semula untuk menjalankan perusahaan selain daripada memproses nenas. Kajian dan perundingan mengenai kemungkinan ini memerlukan masa oleh kerana berbagai-bagai faktor perlu dihalusi dan dipertimbangkan dengan teliti.
- (d) Di masa ini Kerajaan belum membuat apa-apa pertimbangan untuk menyerahkan kedua-dua Syarikat Nenas Tanah Melayu Sendirian Berhad kepada mana-mana pihak. Kerajaan bersedia menimbang mana-mana pihak yang betul-betul mampu dan berkelayakan untuk menjalankan semua aspek perusahaan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa sebelum kedua-dua kilang nenas di Johor itu ditubuhkan atau dibina, feasibility study telah dibuat untuk kedua-dua kilang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak bersangkutan. Kilang telah didirikan, lama sudah didirikan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyebutkan kedua-dua kilang ini telah kehilangan beberapa juta ringgit. Soalan saya ialah sebelum kedua-dua kilang ini dibina, adakah Kerajaan membuat satu feasibility study, kalau feasibility study telah dibuat dapat menunjukkan kepada kita akan kehilangan beberapa juta ringgit yang berlaku mungkin Kerajaan tidak akan membina atau menubuhkan kedua-dua kilang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau bersabit dengan itu bolehlah Menteri kalau bendak jawab.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, ada dibuat feasibility study pada masa itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan Kerajaan telah membuat feasibility study. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan dengan seberapa ringkasnya apakah hasil feasibility study itu?

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, feasibility study menunjukkan adalah projek ini viable.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi rugi, kata dia.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Rugi, tetapi pada masa itu adalah viable.

Tuan Yang di-Pertua: Pada masa itu viable; sekarang ini rugi.

BAYARAN PASPOT

6. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar ramai orang tidak puas hati dengan tindakan Kerajaan menaikkan bayaran paspot sehingga seratus peratus dan samada Kerajaan akan menimbang membatalkan ataupun mengurangkan bayaran baru itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pada hemat Kerajaan kenaikan bayaran paspot daripada \$15 kepada \$30 tidak memberatkan kerana paspot ini adalah dikehendaki oleh orang yang hendak membuat perjalanan ke luar negeri. Tentu-lah ia mampu mengeluarkan \$30.

JALAN-JALAN RAYA DI TRENGGANU

7. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa jalan-jalan raya di Negeri Trengganu lebih buruk jika dibandingkan dengan yang terdapat di negeri-negeri lain di Malaysia ini. Dan apakah usaha-usaha yang akan diambil bagi memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Tek): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menafikan bahawa setengah-setengah dari jalan raya di negeri Trengganu di dalam keadaan buruk. Walau bagaimanapun, jalan-jalan yang buruk adalah juga terdapat di negeri-negeri lain. Dasar penyenggaraan bagi jalan raya adalah sama sahaja di seluruh negara di mana peruntukan tahunan disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki setiap batu jalan raya. Penyenggaraannya adalah dikendalikan oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat khususnya bagi negeri Trengganu perhatian telah diambil oleh Kementerian saya untuk memperbaiki jalanraya di negeri itu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, peruntukan yang diberi kepada negeri-negeri adalah sama termasuk negeri Trengganu. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa peraturan ini diberikan selepas daripada keadaan jalan-jalan yang ada di Malaysia ini yang di negeri-negeri lain daripada negeri Trengganu itu telah pada masa itu lebih baik daripada apa yang terdapat di negeri Trengganu. Jadi, apabila peraturan ini dibuat, maka sudah tentulah jalan-jalanraya di negeri Trengganu itu, ertinya jalan di negeri lain semakin baik, maka kedudukan taraf negeri Trengganu itu tetap di bawah selama-lamanya. Kalau sedar seperti itu adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk melipatgandakan peruntukan bagi memperbaiki jalan-jalan negeri Trengganu.

Dr Goh Cheng Tek: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sebab saya kurang memahami soalan daripada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Faham saya, katanya peruntukan itu kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain tidak sama. Adakah hendak ditambah banyak lagi. Betul begitu Yang Berhormat?

Dr Goh Cheng Tek: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya diberitahu peruntukan diberi mengikut panjang jalan dalam tiap-tiap negeri, mengikut tiap-tiap batu dapat peruntukan yang tepat.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan yang begini, Tuan Yang di-Pertua. Jalan di negeri Trengganu itu lebih buruk daripada jalan-jalan yang terdapat di negeri lain sebagaimana yang diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Jadi, soalan tambahan saya, jalan di negeri Trengganu itu lebih buruk, adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk melipatgandakan bantuan ataupun peruntukan ini bagi negeri Trengganu untuk menseimbangkan jalan-jalan yang ada di negeri Trengganu itu supaya sama baiknya dengan negeri-negeri lain. Apabila keadaan itu sama maka pada masa itu peruntukannya sama. Itu soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Macam fahaman saya tadi betullah lebih kurang.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Ya.

Dr Goh Cheng Tek: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan mengambil perhatian. (Ketawa).

PERKHIDMATAN POS

8. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Perhubungan menyatakan samada benar bahawa surat dan barang-barang hantaran melalui pos di Negara ini ada berlaku kehilangan dan kecurian. Jika benar, apakah langkah Kerajaan akan ambil untuk menghentikan kejadian seperti ini supaya tidak menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap perkhidmatan Pos Negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Lohat Wan): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pos mengendalikan kira-kira sejumlah 2½ juta benda-benda pos tiap-tiap hari dalam lingkungan masa terhad yang ditetapkan. Memandangkan jumlah mail yang dikendalikan itu begitu besar dan lingkungan masa terhad yang mesti dipatuhi itu maka

kehilangan yang berlaku adalah kecil, akan tetapi pihak berkuasa pos masih tidak berpuas hati. Penyiataan yang menyeluruh telah dibuat dan tindakan yang sesuai diambil dalam tiap-tiap kes kehilangan yang dilaporkan atau ditimbulkan itu. Sistem pengendalian mail juga adalah sentiasa diulang-kaji dengan tujuan untuk mengelakkan kehilangan yang kecil itu juga daripada berlaku.

UNIVERSITI DI IPOH

9. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah Kerajaan akan menimbangkan membina sebuah Universiti di Ipoh.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, tidak. Untuk beberapa tahun yang akan datang ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membina sebuah universiti di Ipoh.

PERBADANAN-PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI

10. Tuan Shaari bin Jusoh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan "corporate objectives" Lembaga-lembaga Kemajuan Negeri yang telah ditentukan oleh Kerajaan.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, objektif-objektif Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri adalah termaktub di dalam enekmen penubuhannya. Pada keseluruhannya ialah untuk menjalankan kegiatan bercorak ekonomi dan juga sosial bagi tujuan menjadi penggerak utama pembangunan ekonomi dan sosial di peringkat negeri-negeri. Kementerian saya sentiasa mengawasi supaya objektif-objektif sosial dan ekonomi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri itu dapat ditentukan supaya tidak bercanggah antara satu sama lain dan supaya pencapaian objektif-objektif mereka itu memberi kesan-kesan yang dikehendaki. Objektif-objektif serta kegiatan-kegiatan PKEN adalah diselaraskan dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan telah menentukan bahawa antara objektif penting Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ialah:

- (i) Sebagai penggerak pembangunan di peringkat negeri-negeri dengan memajukan kawasan-kawasan perindustrian bertujuan untuk mendorong penyebaran perusahaan-perusahaan serta

mengujudkan peluang-peluang ekonomi serta pekerjaan di kawasan-kawasan berkenaan. Peranan PKEN bercorak spear heading bagi pembangunan kawasan-kawasan kurang maju di negeri-negeri.

- (ii) Mengadakan projek-projek perdagangan dan perindustrian secara persendirian ataupun secara usaha bersama dengan penyertaan secara aktif dan positif dari segi pengurusan pentadbiran dan pengawasan. Matlamat akhir adalah untuk memindah-milikan saham-saham atau projek-projek yang demikian kepada bumiputra pada masa-masa yang dianggap sesuai.
- (iii) melaksanakan pembinaan rumah-rumah kedai dan mengadakan kemudahan-kemudahan ruang niaga dengan harga yang berpatutan berasaskan kepada kemampuan bumiputra untuk meningkatkan tingkat penglibatan bumiputra dalam perniagaan dan perdagangan.

Tuan Shmsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang tidak menjalankan dasarnya mengikut objektif yang telah ditentukan. Contohnya apabila Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang mendirikan rumah-rumah hanya 30% sahaja diuntukkan kepada Bumiputra. Sepatutnya Badan ini mestilah memperuntukkan sekurang-kurangnya 70% kepada Bumiputra. Ini dijadikan sebaliknya. Apakah tindakan Menteri yang berkenaan kepada Perbadanan tersebut?

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya tak sedar bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang itu tidak mengikut objektif-objektifnya. Setakat saya tahu Perbadanan ini ada mengikutnya tetapi ada kadang-kala masa implementasi itu memang ada kadang-kadang bumiputra tempatan tidak dapat membeli rumah-rumah yang didirikan oleh perbadanan itu. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji dengan halus lagi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rumah-rumah yang didirikan di kawasan Bayan Baru dan Bagan Serai ramai lagi bumiputra yang berkehendakkan rumah-rumah tetapi peruntukan diberi hanya 30%. Masih ramai lagi bumiputra yang berkehendakkan tetapi oleh

sebab peruntukan itu 30% maka ramai bumiputra yang tak dapat peluang membelinya. Jadi apakah langkah Menteri yang berkenaan hendak ambil supaya perkara ini dapat dibetulkan.

Datuk Haji Mohamed bin Yacob: Apa yang saya tahu Perbadanan ini akan membangun lagi bangunan rumah-rumah di kawasan yang tersebut dan sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat itu mengetahui orang-orang yang mahukan rumah-rumah itu, bolehlah berikan senarai itu kepada saya.

PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN

11. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Pertampungan menyatakan samada beliau sedar ramai pemaju-pemaju perumahan mengenakan bayaran wang pertaruhan yang terlalu tinggi untuk pembelian rumah-rumah dan selepas itu menyimpan wang pertaruhan tersebut untuk beberapa lama sebelum dikembalikannya kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya, jika ya, nyatakan samada:

- (a) Kerajaan akan menimbang untuk mengenakan syarat ke atas perkara wang pertaruhan untuk pembelian rumah-rumah ini, jika tidak, mengapa; dan
- (b) Kerajaan akan menimbang untuk mengenakan syarat di mana masa untuk memproses permohonan-permohonan untuk perumahan disempurnakan dalam masa tiga bulan daripada tarikh menerima permohonan-permohonan, jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Pertampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak mendapat tahu bahawa terdapat ramai pemaju-pemaju perumahan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kecuali sebilangan kecil yang mana tindakan sewajarnya terhadap mereka telahpun diambil, sedang, dan akan diambil oleh Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi jawapan kepada (a) dan (b), Kementerian saya ada cadangan hendak menetapkan lagi undang-undang yang ada yang terdandung dalam undang-undang sekarang ini mengenai kawalan pelesen dan pemaju-pemaju perumahan swasta sebagaimana terkandung di dalam kaedah-kaedah pengawalan dan pelesenan 1970.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini supaya dikenakan di satu undang-undang atas pemaju-pemaju ini siapa yang menyimpan wang pertaruhan lebih dari 3 bulan, ia kena bayar bunga mengikut syarat-syarat bank.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, kaedah No. 10 daripada kaedah yang telah diluluskan iaitu pada tahun 1970 dikuatkuasakan pada bulan Julai, 1970 itu setiap deposit mestilah tidak lebih dari \$1,000. Tetapi dalam hal yang tertentu, kes-kes yang tertentu, sekarang ini pihak Kementerian sedang mengambil tindakan kepada mereka yang menyalahgunakan kaedah-kaedah itu.

Tuan Lee Lam Thye: Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen samada Kerajaan bercadang untuk mengemukakan pindaan kepada Akta perumahan sekarang untuk menjaga kepentingan dan juga memberikan lebih banyak faedah kepada orang-orang yang membeli rumah.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi bahawa pihak Kementerian saya bercadang hendak menetapkan setengah-setengah peruntukan daripada kaedah yang tersebut iaitu kaedah 12 (1) dan mengikut seksyen 24 daripada Undang-undang yang ujud itu Housing Developers Control and Licensing Act, 1966 pihak Menteri dari masa ke semasa boleh mengubah apa-apa peruntukan di bawah kaedah ini.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi ada juga pemaju-pemaju rumah yang mengambil wang pertaruhan daripada orang ramai lebih kurang \$1,000 hingga \$2,000. Pertaruhan itu jadi modal, bila dia membina rumah baru diberi balik wang pertaruhan itu. Bolehkah kita adakan satu undang-undang bila diambil wang pertaruhan itu mestilah mereka balikan dalam tempoh 3 bulan.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi kita telah memberitahu bahawa Kementerian saya tidak sedar tentang adanya, kecuali ada beberapa kes yang telah dilaporkan kepada Kementerian dan tindakan telahpun diambil kepada setengah-setengah daripada mereka yang menyalahgunakan undang-undang itu.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU

12. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kementerianya bercadang membuka kampung-kampung baharu bagi penduduk-penduduk yang terpencil di sekitar kawasan sempadan Malaysia-Thai di Kelantan, jika ya. bila.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu ada rancangan-rancangan perkampungan yang hendak dilaksanakan di kawasan-kawasan sekitar lebuhraya sempadan Kelantan-Thai dan Kelantan-Perak. Pada masa sekarang kerja-kerja kajian tanah sedang di proses oleh Jabatan-jabatan berkenaan termasuk Jabatan Pertanian, jika hasil kajian tanah ini memuaskan, maka rancangan-rancangan perkampungan itu akan dilaksanakan.

PENYEBARAN SEBARAN AM

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah matlamat penyiaran melalui alat-alat sebaran am seperti radio dan TV;
- (b) samada penyiaran itu dimaksudkan untuk menyalurkan hiburan atau dasar Kerajaan semata-mata tanpa memberikan perhatian kepada faktor-faktor pembangunan rohani dan akhlak; dan
- (c) batas masa bagi sesuatu rangkaian penyiaran untuk ke seluruhan penyiaran iaitu ke dalam dan keluar negeri.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kepada pertanyaan:

- (a) ialah pada amnya Kementerian Penerangan mempunyai peranan yang penting untuk membantu dan menyokong segala usaha-usaha Kerajaan dalam menyebarkan pengertian mengenai dasar-dasarnya. Sebagai panduan matlamat penyiaran bolehlah dibahagikan kepada empat perkara:

- (i) memupuk dan mengukuhkan perpaduan negara. Kementerian Penerangan memberi keutamaan kepada hal ini dan usaha-usaha dijalankan bagi mengeratkan lagi semangat perpaduan dan saling

memahami dan menghormati di antara rakyat sendiri dan di antara rakyat dengan Kerajaan.

- (ii) Kementerian Penerangan juga berusaha untuk menggalakkan dan memperkuatkan penglibatan rakyat secara aktif dan sepenuhnya dalam usaha-usaha pembangunan khususnya bagi menjayakan rancangan-rancangan pembangunan. Dalam hal ini RTM dan Jabatan Penerangan menyediakan rancangan-rancangan dan penerangan-penerangan secara mendalam dan meluas mengenai sesuatu perkara agar rakyat benar-benar dapat faham dan tentang rancangan-rancangan pembangunan kita dan agar mereka dapat memainkan peranan masing-masing bagi menjayakan rancangan-rancangan tersebut.
- (iii) Kementerian ini juga berusaha mengembangkan kebudayaan dan kesenian negara kita melalui radio dan TV; dan
- (iv) Kementerian ini memainkan peranan untuk menyebarkan pendidikan umum (general education) bagi membolehkan orang ramai mengikuti perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam negeri dan di luar negeri.

Bagi menjawab kepada soalan:

- (b) Tidak. Faktor-faktor pembangunan rohani dan akhlak adalah dianggapkan sebagai sebahagian daripada perkara-perkara yang patut disebar di bawah dasar pendidikan umum (general education).

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pun Kementerian saya sedang membuat satu rancangan ugama yang agak comprehensive sedikit dan saya jangka dapat memberi sumbangan dalam usaha pembangunan rohani dan akhlak dalam masyarakat kita ini.

- (c) Siaran dalam negeri bagi semua rangkaian berjumlah 560 jam seminggu, siaran keluar negeri bagi semua rangkaian berjumlah 133 jam seminggu.

Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kementerian yang berkenaan memperkuatkan (step-up FM Stereo transmission)

atau membina sub-station yang baharu supaya orang ramai dari seluruh negara kita boleh dapat menikmati perkhidmatan radio ini.

Datak Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Apakala kita fikir priority perkara yang macam ini sudah naik sedikit, maka saya boleh timbangkan untuk melaksanakannya.

GURU-GURU PINJAMAN (ATTACHMENT)

14. Tengku Noor Aishah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat ini berapa ramai guru-guru pinjaman (attachment) yang diberi latihan, dengan memberikan angkanya bagi tiap-tiap tahun yang berkenaan serta apakah syarat-syaratnya bagi seseorang guru attachment untuk mengikut latihan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chao Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, guru-guru sementara (on attachment) dan bukan guru-guru pinjaman (attachment) adalah berbagai jenis dan latihan perguruan yang diberikan kepada mereka adalah dalam masa cuti selama tiga tahun.

Berikut ialah angka-angka guru-guru sementara yang telah dan sedang diberi latihan mengikut tahun kursus yang berkenaan dimulai pada tahun:

1964	...	...	204 orang
1966	...	...	186 "
1967	...	...	312 "
1968	...	...	655 "
1969	...	...	518 "
1970	...	...	711 "
1972	...	...	601 "
1973	...	...	740 "
1974	...	...	208 "
1975	...	...	845 "
1976	...	...	1,827 "

Dalam tempoh 11 tahun ini kita telah memberi latihan kepada 6,807 orang. Syarat-syarat yang diperlukan sebagai seorang guru (attachment) itu untuk mengikuti latihan perguruan dalam cuti pada masa ini ialah seperti berikut:

- (i) telah berkhidmat sebagai guru sementara (on attachment) di sekolah di bawah tabdiran Kementerian Pelajaran selama dua tahun atau lebih dan sedang mengajar di sekolah tersebut.

(ii) Warganegara Malaysia.

(iii) Kelayakan akademik mesti lulus sekurang-kurangnya SPM/MCE dan atau SC.

(iv) Kelulusan Bahasa Malaysia kepujian dalam Bahasa Malaysia peringkat SPM/MCE/SC atau setaraf dengannya.

Calun-calun yang lulus dalam Bahasa Malaysia II peringkat SPM/MCE/SC atau setaraf dengannya boleh juga dipertimbangkan tetapi mereka ini sekiranya dipilih hendaklah memperoleh kepujian dalam Bahasa Malaysia peringkat SPM/MCE/SC atau setaraf dengannya sebelum tamat latihan.

(v) Kepujian peringkat SPM/MCE/SC dalam sekurang-kurangnya satu mata-pelajaran yang lain. Bagi calun-calun yang memiliki hanya lulus dalam Bahasa Malaysia peringkat SPM/MCE/SC, mereka adalah dikehendaki memperoleh sekurang-kurangnya kepujian peringkat SPM/MCE/SC dalam dua mata pelajaran yang lain.

(vi) Tidak pernah mengikuti latihan perguruan anjuran Kementerian Pelajaran. Bagi calun-calun mengikuti kursus latihan perguruan dalam masa cuti bagi guru-guru sementara yang sedang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, mereka adalah juga dikehendaki memperoleh kepujian dalam Chinese Language peringkat SPM/MCE/SC selain daripada syarat-syarat (iii), (iv), and (v) di atas.

Bagi calun-calun untuk kursus-kursus latihan perguruan bagi guru-guru sementara yang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, mereka adalah dikehendaki memperoleh kepujian dalam Tamil Language peringkat SPM/MCE/SC selain daripada syarat-syarat (iii), (iv) dan (v) di atas.

BAU BUSUK DARI GUDANG LEE RUBBER

15. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (i) adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa penduduk-penduduk di kawasan Gombak yang berhampiran dengan Gudang Lee Rubber telah bertahun-tahun menderita kerana bau busuk dari

kilang getah tersebut. Apakah tindakan dan rancangan Kementerian untuk mengatasi masaalah ini; dan

- (ii) tidak pernahkan ada satu usaha pihak Kementerian dengan pihak Lee Rubber mengenai pemindahan gudang getah cair Lee Rubber ini untuk dipindahkan ke satu kawasan lain supaya bau busuk itu tidak ujud di seluruh kawasan Gombak.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tau Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalau bahagian

(i) soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan "issuc" yang telah lama dihadapi dan perkara ini telah dibawa kepengetahuan Kementerian saya. Penyiasatan telah pun dilakukan pada bulan Jun, 1976 baru-baru ini oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Alam Sekitar, dan berasaskan kepada Penyiasatan itu adalah didapati bahawa masaalah bau busuk itu berpunca daripada dua sumber; iaitu daripada kerja-kerja memproses getah "scrap" oleh "Lee Rubber Factory" dan pembuangan pelepasan kekotoran oleh "Lee Latex Factory." Di dalam hal ini, adalah tidak mungkin untuk mengambil langkah-langkah segera yang berkesan untuk menyelesaikan masaalah bau busuk dan juga masaalah pencemaran, sebelum standard-standard pelepasan dikuatkuasakan ke atas industri getah.

Pada masa ini suatu kajian yang mendalam ke atas perusahaan getah keseluruhannya sedang dijalankan. Sebaik-baik sahaja standard bagi pelepasan getah ditentukan, langkah-langkah segera akan dilaksanakan untuk mengkuatkuasakan peraturan-peraturan pelepasan. Berkaitan dengan ini suatu Jawatankuasa Standad Getah telah pun ditubuhkan di Bahagian Alam Sekitar untuk mengkaji keluasan masaalah pencemaran yang disebabkan oleh kilang-kilang getah dan juga untuk merangka langkah-langkah kawalan. Jawatankuasa ini telah siap menyediakan perakuan-perakuannya dan adalah dijangkakan bahawa standad-standad bagi pembuangan pelepasan dan peraturan-peraturan yang berkaitan akan dikuatkuasakan di seluruh negara pada awal tahun depan.

Selanjutnya, Bahagian ini juga sedang mengkaji langkah-langkah sementara yang difikirkan dapat mengurangkan masaalah bau busuk daripada kilang getah tersebut.

Antaranya adalah dicadangkan agar getah-getah "scrap" itu dibasuh dengan teliti di ladang-ladang getah sebelum dibawa ke kilang tersebut untuk diproseskan.

Bagi menjawab soalan (ii), tidak.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menerangkan ada Jawatankuasa dan sebagainya dan jawapan kepada soalan (ii) katanya tidak. Tetapi apa yang saya difahamkan melalui rundingan yang telahpun berjalan dengan pihak Lee Rubber ketika Yang Berhormat Tuan Michael Chen sendiri mula-mula menjadi Menteri Alam Sekitar, penduduk-penduduk di sinilah yang mengetahui banyak cerita-cerita yang keluar kononnya suatu tindakan akan dibuat sejak tahun 1972. Inilah yang kami minta dan kami telah menubuhkan satu Jawatankuasa. Adakah dalam bentuk kajian sahaja ataupun akan bertindak mengenai masaalah ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi sebelum kita ada pelepasan-pelepasan yang standard daripada kilang getah, kita tidak dapat mengawal pencemaran semacam itu, dan tentang rundingan-rundingan yang dibuat di antara Yang Berhormat Tuan Michael Chen pada masa itu, saya tidak sedar. Tetapi pada pendapat saya walaupun penempatan semua kilang Lee Rubber ke tempat lain merupakan langkah yang paling baik untuk mengatasi masaalah tersebut tetapi ianya akan melibatkan masaalah kompleks dari segi pentadbiran dan tindakan undang-undang yang dibuat pada masa ini belum lagi menjadi tanggungjawab dalam bahagian ini. Soal untuk mendapatkan kawasan lain yang sesuai serta nasib pekerja di kilang-kilang tersebut hendaklah ditimbangkan dengan lebih mendalam. Oleh itu, Bahagian Alam Sekitar akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk mencari penyelesaian yang lebih berkesan.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang untuk mengatasi masaalah ini untuk berunding dengan Kementerian Undang-undang samada satu-satu tindakan mahkamah, misalnya, tindakan di bawah Criminal Procedure Code iaitu sebagai satu public nuisance akan diambil.

Tan Sri Ong Kee Hui: Langkah-langkah yang telah diambil mesti menurut peruntukan yang ada di dalam Environmental Quality Act.

MINYAK MENTAH KE PILIPINA

16. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan kesanggupan Malaysia membekalkan minyak mentah kepada negara Pilipina itu akan menjejaskan penggunaan minyak dalam negeri sendiri, dan samada Malaysia telah atau sedang membuat sebarang pembekalan minyak dengan lain-lain negara di luar ASEAN; jika ya, nyatakan negara mana.

Menteri Tak Bertfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, kesanggupan Malaysia membekalkan minyak mentah kepada negara Pilipina tidak akan menjejaskan penggunaan minyak dalam negeri sendiri. Pada masa ini Malaysia hanya memproses 23% dari jumlah keluaran minyak mentah negara. Ini adalah kerana kira-kira 65% dari keperluan minyak mentah kilang-kilang penapis di luar negara ini adalah diimport dari Asia Barat. 29% dari keperluan tersebut diimport dari Kuwait, 21% dari Arab Saudi, 12% dari Neutral Zone dan bakinya dari negara-negara Teluk Parsi yang lain. Pada masa ini kilang-kilang penapis minyak tersebut tidak memerlukan lebih banyak minyak mentah tempatan oleh sebab beberapa faktor termasuk perhitungan ekonomi, keperluan pasaran serta rekabentuk (design) kilang penapis masing-masing.

Pada masa ini, Malaysia, melalui syarikat-syarikat pengeluaran minyak di negara ini, ada membuat perjanjian jualan jangka panjang kepada negara-negara di luar ASEAN. Jumlah peratus jualan minyak mentah Malaysia yang diekspot ke negara-negara tersebut dalam 5 bulan yang pertama tahun ini ialah 46%, iaitu 35% ke negara Jepun dan 11% ke Amerika Syarikat.

WANG HADIAH

17. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah hadiah yang diberikan kepada orang ramai kerana memberi maklumat sehingga tertangkapnya penjenayah-penjenayah dan penyeludup-penyeludup dalam tahun 1974 dan 1975.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang hadiah yang diberikan kepada orang awam kerana memberi maklumat yang baik menghasilkan tangkapan penjenayah-penjenayah ataupun penyeludup-penyeludup adalah seperti berikut:

Tahun 1974 ...	Penjenayah	\$111,164
Tahun 1975 ...	Penjenayah	162,949
Tahun 1974 ...	Penyeludup	1,295
Tahun 1975 ...	Penyeludup	2,650

KILANG PERUSAHAAN

18. Tuan Mohd. Bakri Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah Kerajaan akan mendirikan kilang-kilang perusahaan di kawasan Parit, jika tidak, mengapa.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sememangnya menjalankan segala usaha supaya projek-projek perindustrian ditempatkan di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan-kawasan yang kurang maju. Sungguhpun begitu kejayaan usaha-usaha ini adalah bergantung kepada kemudahan pasaran yang boleh didapati di kawasan-kawasan tersebut bagi membolehkan terdirinya kilang-kilang perusahaan.

Dalam rancangan perindustrian Negeri Perak, Kerajaan Negeri telahpun ada keutamaan-keutamaannya bagi membuka kawasan-kawasan perindustrian di tempat-tempat yang tertentu termasuk Kampung Acheh di Sitiawan iaitu satu kawasan berhampiran dengan Parit. Memandangkan hampirnya Parit dengan kawasan perindustrian Kampung Acheh yang dicadangkan itu, ini mungkin dapat memenuhi kehendak penduduk-penduduk kawasan Parit bagi memperolehi pekerjaan melalui pembangunan perindustrian untuk sementara waktu ini. Namun demikian, Kementerian saya akan berunding dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi kemungkinan membangun kawasan-kawasan keutamaan yang lebih banyak terutama termasuk Parit pada masa akan datang.

Kerajaan telah meluluskan setakat ini 2 projek perusahaan di kawasan Parit. Sekiranya terdapat projek-projek yang sesuai untuk ditempatkan di kawasan ini, maka Kementerian saya bersedia meluluskannya dari semasa ke semasa.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kawasan Parit boleh dikatakan kawasan yang ketinggalan di semua lapangan kemajuan negara, terutama di bidang perindustrian?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang dari segi perindustrian Kementerian sedar dan sebab itulah dikatakan bahawa perundingan itu dibuat dengan Kerajaan Negeri, tetapi dalam hal ini keutamaan itu dibuat keputusan berdasarkan kepada perundingan antara kedua pihak itu.

HOSPITAL—BEKALAN BARANG-BARANG TEMPAT TIDUR

19. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini sedar tentang kekurangan tilam, cadar, selimut, gebar, bantal, kelambu dan lain-lain lagi di hospital-hospital di negara ini sekarang, dan jika ya, adakah Kerajaan bercadang untuk mengatasi kekurangan ini.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, pembekalan barang-barang yang digunakan bagi tempat tidur seperti tilam, cadar, selimut, gebar, bantal, kelambu dan lain-lain di semua hospital dalam negara ini adalah mencukupi. Bekalan tambahan barang-barang ini ada disimpan dalam tiap-tiap buah setor perubatan negeri untuk dikeluarkan apabila dikehendaki. Kekurangan barang-barang itu mungkin terjadi oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan pada satu ketika kecemasan umpamanya, terlalu ramai pesakit yang terpaksa dimasukkan kerana sebab-sebab tertentu, kerana hari hujan dan barang-barang itu tidak boleh kering sebagaimana biasa ataupun kerana kerosakkan alat-alat pencuci dan sebagainya.

DASAR EKONOMI BARU DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

20. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) samada Rancangan Malaysia Kedua telah menaikkan taraf orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan dan samada Kerajaan sedar bahawa Dasar Ekonomi Baru telah menaikkan taraf

ekonomi orang-orang bukan Melayu lebih tinggi lagi, kiranya sedar, dalam segi apakah taraf ekonomi orang-orang Melayu telah naik; dan

- (b) adakah Kerajaan sedar dengan adanya dasar 30% penyertaan orang-orang Melayu dalam lapangan perdagangan, perindustrian dan perumahan, orang-orang Melayu telah ketinggalan lebih jauh dan adakah Kerajaan hendak meminda dasar ini supaya membolehkan orang-orang Melayu dalam tahun 1990 nanti mencapai matalamat ini dan jika tidak, mengapa dan jika ya sila terangkan bagaimana.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan kepada soalan (a) dan (b) Ahli Yang Berhormat itu boleh didapati dari dokumen Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dibentangkan di atas meja mesyuarat Dewan ini pada 9hb Julai, 1976. Kerajaan akan menghuraikan dengan panjang lebar tentang pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru ini apabila Rancangan tersebut dibahaskan di Dewan ini nanti.

OPEC—SYARAT MENJADI ANGGOTA

21. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan adakah Malaysia sekarang dianggap sebagai sebuah negara pembekal minyak mentah, dan adakah Malaysia menjadi anggota negara-negara pengeluar minyak (OPEC).

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sekarang mengeluarkan minyak mentah sendiri sebanyak lebih kurang 160,000 tong sehari dan sebahagian besar daripada pengeluaran itu adalah diekspot keluar negeri. Oleh itu, Malaysia, bolehlah dianggap sebagai sebuah negara pembekal minyak mentah.

Malaysia belum lagi menjadi anggota negara-negara pengeluar minyak atau OPEC. Mengikut Perlembagaan OPEC mana-mana negara pengeluar minyak yang ingin menjadi anggota OPEC hendaklah di antara lain membuktikan bahawa ianya adalah sebuah negara pengeluar dan pengeksport minyak yang terbesar (substantial net exporter of crude oil). Oleh kerana Malaysia belum lagi mencukupi syarat-syarat untuk menjadi anggota OPEC, maka soal menjadi anggota OPEC terpaksa ditangguhkan dahulu.

AJEN PELAWAT TEMPATAN DI SYARIKAT HARRISON AND CROSS- FIELD/GUTHRIE/SIME DARBY/ BARLOW BOUSTEAD

22. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar di Bahagian Ladang dalam Syarikat-syarikat Harrison and Cross-field, Guthrie, Sime Darby, Barlow Boustead dan lain-lain tiada rakyat Malaysia yang dilantik Ajen Pelawat atau Merinyu dan jika ya, mengapa rakyat tempatan tidak boleh mengisi jawatan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa di Bahagian Ladang di dalam Syarikat-syarikat Harrison and Crossfield, Guthrie, Sime Darby, Barlow Boustead, tidak ada rakyat Malaysia yang dilantik menjadi Ajen Pelawat atau Merinyu.

Untuk naikluman Ahli Yang Berhormat, bilangan jawatan "Visiting Agent" ini adalah kecil dan merupakan satu jawatan tinggi dan terkanan. Mereka yang memegang jawatan-jawatan ini adalah terdiri dari bekas-bekas Pengurus-pengurus Ladang yang terkanan dan mempunyai pengalaman-pengalaman yang luas selama 20 hingga 30 tahun di dalam bidang perusahaan ini. Mereka ini menjalankan tugas-tugas penasihat, pemeriksaan serta memberi tunjuk ajar kepada pengurus-pengurus ladang mengenai semua aspek-aspek dan teknik baru di dalam bidang perusahaan ini. Jawatan-jawatan ini bukanlah diuntukkan khas kepada pegawai-pegawai asing sahaja. Saya percaya bahawa ada rakyat Malaysia yang mempunyai "calibre" untuk memegang jawatan ini, tetapi bagi jawatan yang penting dan tinggi ini, mereka masih memerlukan lebih banyak lagi pengalaman yang luas dalam bidang kerja ini. Majikan-majikan tersebut juga adalah sedar mengenai kedudukan perkara ini dan ada di antara mereka yang telahpun mengambil langkah-langkah positif untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang sesuai memegang jawatan ini, tidak berapa lama lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan telah menyatakan ada beberapa syarikat yang disebutkan dalam pertanyaan saya sedang berunding dan mengkaji perkara ini. Bolehkah Setiausaha Parlimen berkenaan jelaskan

bahawa berapa lamakah pegawai tempatan terpaksa menunggu sebelum mereka mencapai gred itu, sedangkan beliau sendiri mengakui ada pegawai tempatan yang mempunyai pengalaman dan kelayakan untuk mencapai gred itu.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan tadi kita dimaklumkan ada di antara syarikat-syarikat yang disebutkan yang memeriksa perkara ini untuk melantik rakyat Malaysia dalam jawatan itu tidak berapa lama lagi dan saya harap sebelum tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum tahun hadapan. Masa Soal-Jawab telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 23 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).

PUSAT KEMAJUAN PERTANIAN

23. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau bercadang hendak menempatkan pegawai dan kakitangan yang ada kaitan dengan pertanian di satu pusat kemajuan pertanian bagi membolehkan petani-petani mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik dari yang ada sekarang. Jika, ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Sebenarnya, perkara ini sudahpun dilaksanakan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang. Tiap-tiap Pusat Kemajuan Pertanian atau Pusat Kemajuan Peladang di tempatkan heberapa orang pegawai dan kakitangan.

SAINS PEPERIKSAAN STP

24. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran memberi sebab-sebab mengapa keputusan kertas sains peperiksaan STP amat buruk pada tahun yang lalu dan nyatakan samada langkah-langkah asas telah diambil untuk menentukan keputusan yang lebih baik dalam masa akan datang.

Menteri Pelajaran (Dr Mabathir bin Mohamad): Saya telah menjawab soalan yang sama daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 8-7-1976. Oleh itu, dapatlah kiranya Ahli Yang Berhormat merujuk kembali kepada jawapan saya itu.

PINJAMAN KEPADA BUMIPUTRA

25. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa masih ramai peniaga bumiputra yang tidak mendapat kemudahan pinjaman dari bank dengan sepatutnya, sebab kurang pengetahuan mengenai cara-cara memohon atau lain-lain kesukaran; jika sedar apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kerajaan sedar bahawa ada sebilangan peniaga-peniaga bumiputra yang belum mendapat kemudahan pinjaman dari bank-bank perdagangan kerana kekurangan pengetahuan mengenai cara-cara membuat permohonan. Perkara-perkara seperti menyediakan kajian kemungkinan, aliran wang tunai, kunci kira-kira, nyata untung rugi dan lain-lain yang dikehendaki oleh bank adalah perkara baru bagi peniaga-peniaga bumiputra yang baru menceburi dalam bidang perniagaan, sedangkan perkara-perkara ini adalah juga dikehendaki oleh bank untuk menimbang satu-satu permohonan.

Pihak bank terpaksa meneliti satu-satu permohonan untuk menentukan supaya bukan sahaja wang itu apabila dilulus akan digunakan dengan baiknya tetapi juga untuk menentukan kemampuan peminjam untuk membayar balik sepenuhnya wang yang dipinjamkan itu. Ini mustahak bagi tiap-tiap bank oleh kerana wang yang mereka pinjamkan itu terdiri dari kumpulan wang yang diamanahkan kepada mereka oleh pelanggan-pelanggan sebagai wang simpanan.

Sungguhpun demikian, untuk mengatasi masalah ini, Bank Negara Malaysia telah mengarahkan semua bank perdagangan mengadakan perkhidmatan nasihat kepada bumiputra untuk memberi panduan serta tunjuk ajar kepada bumiputra khususnya. Sudah tentu keupayaan bank untuk menolong bumiputra dari segi ini adalah terhad memandangkan jumlah pemohon-pemohon bumiputra yang begitu ramai. Walau bagaimanapun, saya akan merundingkan hal ini dengan lebih lanjut lagi dengan Bank Negara Malaysia untuk meminta bank-bank perdagangan membuat anggaran peruntukan yang lebih besar untuk memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga bumiputra dan di samping itu saya akan berunding dengan Bank Negara

untuk mendapatkan kerjasama bank-bank perdagangan supaya memberi kursus kepada pegawai-pegawainya untuk menyedari betapa mustahaknya dasar Kerajaan mesti dihasilkan oleh mereka terutama sekali di dalam bidang membantu bumiputra. Saya berharap apabila perkara ini dapat dilakukan maka dapatlah ditanamkan semangat yang lebih positif di kalangan pegawai-pegawai bank supaya mereka itu bersungguh-sungguh memberi layanan kepada pemohon-pemohon bumiputra. Sungguhpun demikian, sebagaimana yang telah beberapa kali ditegaskan, masyarakat bumiputra mestilah diberi pengetahuan tentang amalan dan cara-cara perjalanan bank-bank perdagangan. Dewan perniagaan Melayu dan persatuan-persatuan perniagaan bumiputra sendiri hendaklah mengambil inisiatif untuk menghulurkan pertolongan dan memberi nasihat yang meluas kepada ahli-ahli mereka untuk memahami cara-cara bagaimana mendapatkan pinjaman serta menggunakan wang pinjaman itu.

HOSPITAL BARU TELUK ANSON

26. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapa Hospital Baru untuk Teluk Anson seperti yang dijanjikan akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kedua tidak dibina;
- (b) samada Kerajaan bertujuan membina-nya semasa Rancangan Malaysia Ketiga dan jika ya, nyatakan anggaran perbelanjaan yang akan ditanggungkan dan di mana tapak hospital tersebut akan didirikan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

- (a) Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian ini menghadapi masalah tapak hospital baru Teluk Anson yang menyebabkan hospital baru ini tidak dapat dibina dalam Rancangan Malaysia Kedua. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini.
- (b) Hospital Baru Teluk Anson adalah satu projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua sebagai projek sambungan. Sebuah

hospital yang mengandungi 400 buah katil akan dibina dan akan dilengkapi dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang cukup. Tapak untuk membina hospital baru Teluk Anson adalah di Jalan Changkat Jong.

RUMAH-RUMAH YANG DIBINA

27. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) bilangan rumah-rumah yang telah dibina oleh pihak swasta dalam kawasan bandar dalam tahun 1975 di Malaysia Barat;
- (b) peratus yang dimiliki oleh Bumiputra; dan
- (c) langkah-langkah Kerajaan untuk memenuhi hasrat sekurang-kurangnya 30% dimiliki oleh Bumiputra.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (**Tuan Michael Chen Wing Sam**): Rangkaikata "rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta", dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu, memberi erti rumah-rumah selain daripada yang dibina oleh pihak awam atau Kerajaan. Itu termasuklah rumah-rumah yang dibina oleh pemaju perumahan swasta yang berlesen, orang-orang persendirian, syarikat-syarikat ko-operatif, majikan-majikan dan sebagainya. Dengan keterangan ini maka jawapan kepada soalan-soalan itu adalah seperti berikut:

- (a) Angka-angka mengenai bilangan rumah-rumah tersebut bagi satu-satu tahun tidak dikumpul dan, yang demikian, angka bagi tahun 1975 tidak diketahui. Walaupun demikian, bilangan rumah-rumah yang dibina di bandar-bandar oleh pemaju perumahan swasta yang berlesen sahaja bagi tahun 1975 ialah kira-kira 14,000 yunit;
- (b) Tiada rekod mengenai kesemua aspek perumahan pihak swasta bagi tahun 1975, tetapi adalah ditaksirkan bahawa 5% daripada angka tersebut di (a) tadi ialah yang dibeli oleh Bumiputra daripada pemaju perumahan swasta yang berlesen;
- (c) Langkah-langkah yang sedang diambil bagi membolehkan dan menggalakkan ramai lagi Bumiputra-bumiputra untuk memiliki rumah-rumah sendiri adalah termasuk:

- (i) apakala memberi kelulusan kepada perubahan syarat tanah atau perancangan untuk kema-juan perumahan, kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun mengenakan syarat bahawa sekurang-kurangnya 30% dari rumah-rumah yang akan dibina oleh pemaju perumahan swasta hendaklah dijual kepada Bumiputra. Di antara kelulusan tersebut itu ada yang mengenakan syarat tambahan yaitu rumah-rumah yang lebih rendah daripada harga asal;
- (ii) ada pemaju-pemaju perumahan swasta pula, dengan inisiatif mereka sendiri, telah menawarkan 30% daripada bilangan rumah-rumah mereka itu kepada Bumiputra;
- (iii) pinjaman wang yang diberikan oleh badan-badan pinjaman kepada Bumiputra untuk membeli rumah telah ditambah jumlahnya dan had maksima bagi satu-satu pinjaman adalah lebih tinggi daripada yang diberi kepada orang bukan Bumiputra
- (iv) Kementerian saya telah menggesa pemaju-pemaju perumahan swasta yang berlesen supaya menimbangkan soal menggredkan mutu perumahan (housing standard) mereka supaya rumah-rumah yang akan dibina dan dijual itu tidak mahal dan harganya boleh dicapai oleh golongan-golongan berpendapatan sederhana dan rendah, terutama mereka daripada orang-orang Bumiputra;
- (v) projek-projek perumahan awam kos rendah adalah ditambah; yang berarti lebih banyak yunit rumah yang akan diperuntukan kepada orang-orang Bumiputra; dan
- (vi) ada di antara Kerajaan-kerajaan Negeri yang menganugerahkan tanah-tanah tapak kediaman yang teratur supaya rakyat, terutama orang-orang Bumiputra, dapat membina rumah-rumah mereka.

JURURAWAT TERLATIH

28. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Menteri Kesihatan menyatakan samada:

- (a) beliau sedar bahawa bilangan doktor dan Jururawat yang terlatih amatlah berkurangan di Sabah;
- (b) langkah-langkah telah diambil untuk mengambil banyak lagi doktor atau mengadakan rancangan-rancangan latihan untuk jururawat tempatan untuk menghadapi kekurangan ini.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Soalan yang lebih kurang sama seperti ini telah dijawab oleh saya pada 7-4-76 bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Keningau. Namun demikian suka saya menyatakan memang ada kekurangan doktor dan jururawat di Sabah. Mengenai doktor-doktor, daripada jumlah 106 jawatan, 55 telahpun diisi. Pecahannya adalah seperti berikut:

Doktor Tempatan (Sabahan)	11
Doktor Tempatan Kontrek (Sabahan)	6
Doktor Kontrek (dari negeri-negeri-negeri asing)	22
Doktor yang dipinjamkan dari Semenanjung Malaysia ...	16
JUMLAH ...	55

Bagi Jururawat pula, kedudukannya adalah seperti berikut:

	<i>Perjawatan</i>	<i>Diisi</i>	<i>Kosong</i>
Jururawat Terlatih/Pembantu-pembantu Hospital	465	352	113
Penolong Jururawat ...	624	506	118
Jururawat Kesihatan Luar-bandar (Rural Health Nurses)	314	282	32

- (b) Langkah-langkah telahpun diambil untuk menambahkan lagi doktor-doktor yang dipinjamkan ataupun mengambil doktor-doktor dari negeri-negeri asing. Berkenaan dengan rancangan-rancangan latihan untuk jururawat-jururawat, ada 3 jenis latihan asas di Sabah iaitu:

- (i) Latihan bagi Jururawat Terlatih/Pembantu-pembantu Hospital di Sekolah Latihan Jururawat, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu selama 3 tahun 3 bulan sehingga mendapat sijil S.R.N;

- (ii) Latihan bagi Penolong Jururawat selama 2 tahun dalam aspek General dan Psychiatric Nursing di Hospital Duchess of Kent, Hospital Tawau dan Hospital Bukit Padang;

- (iii) Latihan bagi Jururawat-jururawat kesihatan luarbandar selama 2 tahun di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

YAYASAN SABAH—TUDUHAN

29. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau akan menimbang dan mengarahkan Biro Siasatan Negara menyiasat tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, berkenaan dengan "penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, pilihkasih dan sebagainya oleh bekas Anggota-anggota Pengarah Yayasan Sabah, apabila beliau membentangkan Usul Pindaan Yayasan Sabah, 1976 dalam Dewan Negeri Sabah pada 14hb Jun, 1976.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Biro Siasatan Negara adalah satu Badan yang bebas dan bertindak dengan adil, maka tiadalah perlu bagi saya mengarahkan Biro itu menjalankan satu-satu penyiasatan atau tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Ketua Menteri Sabah.

BANJIR DI PEKAN KEPONG

30. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan mengapa banjir kerap kali berlaku di Pekan Kepong semenjak rancangan-rancangan perumahan dilaksanakan di Kepong Utara dan samada beliau sedar bahawa kejadian ini tidak pernah berlaku sebelum Tahun Baru. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mengelakkan berlakunya banjir di Pekan Kepong.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Banjir tersebut adalah disebabkan oleh aliran air muka bumi yang

berlebihan akibat dari pembangunan perumahan yang sedang dijalankan dalam kawasan tadahan Sungai Keroh. Sungai tersebut tidak berupaya untuk menampung segala aliran dan salur keluar yang berlebihan.

Untuk mengelakkan kejadian banjir di Pekan Kepong, Jabatan Parit dan Taliair sedang menyediakan Pelan Induk Perparitan, supaya satu sistem perparitan yang berkesan dapat diwujudkan. Jabatan tersebut juga sedang mengkaji kerja-kerja memperbaiki Sungai Keroh supaya dapat menampung lebih banyak aliran air dan mencegah kejadian banjir di Pekan Kepong.

HELIKOPTER NURI TUDM TERHEMPAS

31. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pertahanan menyatakan bagaimanakah terjadi yang menyebabkan helikopter Nuri TUDM terhempas dan terbakar dekat Gubir, Kedah pada 26hb April, 1976.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn): Saya telahpun menjawab satu soalan yang memohon maklumat yang sama seperti yang dipohon oleh soalan ini, pada hari Jumaat 9hb Julai, 1976 dahulu.

Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Matang dapat merujuk kepada jawapan saya untuk soalan pertama bagi hari tersebut, di dalam Penyata Resmi.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

32. Wan Zalmah binti M. A. Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa keadaan inflasi masih wujud dan kadar pelepasan cukai pendapatan sebanyak \$2,000 bagi seseorang pembayar cukai dan \$1,000 bagi isterinya masih sangat rendah dan jika ya samada beliau bercadang menambahkan kadar-kadar ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya sedar bahawa sungguhpun keadaan inflasi masih wujud tetapi kadarnya telah berkurangan. Walau bagaimanapun, soal pelepasan cukai pendapatan ini telah saya huraikan di dalam Dewan ini pada minggu lepas. Sukalah dinyatakan sekali lagi di sini bahawa perkara ini sedang dipertimbangkan dengan mendalamnya kerana pada masa ini Kementerian saya sedang mengkaji struktur cukai pada keseluruhannya.

BUKU "THE MALAY DILEMMA"

33. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau akan menarik pengharaman buku bertajuk "The Malay Dilemma" membenarkan buku tersebut diedar untuk bacaan umum di negara ini, dan jika tidak mengapa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Jawapan kepada soalan yang sama ini telah diberikan di dalam Dewan ini pada 5-7-76.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANUN ACARA JENAYAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Kanun Acara Jenayah (N.B.M. Bab. 6); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; di baca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEN- JENAYAH FUJITIF (EDKSTRADISI KHAS)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Ekstradisi 1958 dan Akta Penjenayah Fujitif Komanwel 1967 untuk mengadakan peruntukan bagi mengekstradisi penjenayah fujitif tertentu kepada suatu negara asing atau suatu negara Komanwel atas suatu arahan khas oleh Menteri, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (14hb Julai, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bila Dewan ini ditangguhkan petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka belum habis lagi membuat ucapannya. Yang Berhormat itu telah mengambil masa lebih kurang 50 minit bercakap dan saya harap oleh sebab saya faham ada banyak juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap, saya minta Yang Berhormat itu tolong gulungkan dengan seberapa segera ucapannya supaya ada lain-lain Ahli dapat peluang bercakap. Saya tahu Undang-undang ini cukup mustahak kepada orang ramai.

3.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Menteri Buruh begitu takut dengan hujjah-hujjah yang saya kemukakan semalam, sehingga berlaku semalam satu insiden yang rendah dan kotor yang bertujuan untuk memadamkan ucapan saya di suratkhbar. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk melapurkan kepada Dewan bahawa semalam semasa perjalanan mesyuarat ini telah berlaku satu perbuatan jenayah dan breach of privilege yang berlaku apabila salinan-salinan ucapan saya yang diberikan kepada pemberita-pemberita di Press Gallery di Dewan Rakyat ini telah diintercepted dan dicuri oleh orang dan akibatnya sebahagian daripada pemberita-pemberita tidak dapat salinan ucapan saya. Masa itu seorang kakitangan Yang Berhormat Menteri Buruh berada di Press Gallery. Itulah satu keanehan yang tidak pernah berlaku di dalam sejarah Dewan Rakyat terhadap salinan ucapan-ucapan baik pihak Kerajaan atau pihak Pembangkang dan oleh kerana perkara ini melibatkan kemuliaan dan digniti Dewan ini dan merupakan satu sabotaj perjalanan Parlimen ini, saya serah perkara ini kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memutuskan samada tindakan yang sewajarnya harus diambil untuk mengadakan siasatan yang mungkin boleh dibuat oleh Committee of Privileges, dan semua pemberita-pemberita atau orang-orang yang terlibat boleh dipanggil untuk memberi keterangan dalam perkara ini.

Semalam apabila Dewan ini ditangguhkan saya telah sebutkan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum daripada menyambung, bilakah Yang Berhormat dapat tahu ucapan itu hilang?

Tuan Lim Kit Siang: Salinan-salinan yang diberi kepada pemberita-pemberita di Press Gallery di Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Hilang di mana?

Tuan Lim Kit Siang: Hilang di sana, dalam Dewan ini untuk dibahagikan kepada pemberita-pemberita dan hilang di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya sebelum diserahkan kepada pemberita itu sudah hilang?

Tuan Lim Kit Siang: Ada diserahkan kepada Press Gallery tetapi semasa salinan ucapan disebarkan banyak salinan telah hilang dan pemberita-pemberita tidak dapat salinan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya belum-lah sulit. Bila diserahkan kepada pemberita tidaklah jadi sulit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan sulit tetapi tidak sampai ke tangan pemberita-pemberita.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sampai kepada tangan sebahagian daripada pemberita. Adakah Yang Berhormat memberi kenyataan kepada Setiausaha Dewan ini? Adakah memberi report atau apa-apa?

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang saya sedang membuat satu lapuran.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang sahaja baru membuat lapuran. Baiklah, berita ini akan dimasukkan dalam *Hansard* dan akan dikaji.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Semalam saya telah sebut tentang Seksyen 7 di mana peruntukan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Buruh di mana Menteri Buruh boleh dikecualikan penguatkuasaan semua peruntukan-peruntukan dalam Ordinan Kerja dan ini akan memberi kuasa luar biasa kepada Menteri berkenaan oleh kerana dengan peruntukan ini semua peruntukan-peruntukan untuk meletakkan syarat-syarat minima untuk pekerja-pekerja tidak akan bererti lagi, kerana peruntukan-peruntukan itu boleh dekecualikan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ketika pekerja-pekerja Malaysia mempunyai kebanggaan kerana seorang rakyat Malaysia telah dipilih untuk

mengetuai ICFTUC (International Confederation of Free Trade Unions) di mana seorang Malaysia menjadi Presidennya sebenarnya pekerja-pekerja harus dapat faedah-faedah yang lebih maju tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya, khasnya Seksyen 2b ini yang menunjukkan bahawa pekerja-pekerja yang disebutkan dalam Philadelphia Declaration di mana ILO ditubuhkan pekerja-pekerja itu bukan komoditi tetapi adalah manusia. Dengan datangnya ke Parlimen dengan Seksyen 2b yang dicadangkan ini Yang Berhormat Menteri Buruh sebenarnya akan dapat kuasa yang lebih daripada Parlimen oleh kerana beliau boleh mengecualikan daripada dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan Ordinan ini dan adalah lebih baik jika kita meluluskan satu Akta yang akan membolehkan Yang Berhormat Menteri membuat atau menetapkan apa-apa syarat yang beliau hendak untuk mengenakan apa jua syarat-syarat kepada pekerja; tidak payah mengadakan Ordinan Kerja ini. Apabila kita ada satu Ordinan Kerja, mesti ditetapkan syarat-syarat minima yang tidak boleh dikecualikan penguatkuasanya. Sebab itu inilah pindaan ini sangat ditentang. Kaum pekerja kita mesti mendapat satu kenyataan yang jelas mengenai tujuan-tujuan ini.

Yang saya dapat tahu pindaan-pindaan ini ialah untuk menarik balik pemodal-pemodal yang telah dalam dua tahun ini tidak menanam modal oleh kerana keadaan bukan sabaja tidak sihat di negeri ini bahkan di rantau ini tetapi pindaan-pindaan seperti ini tidak akan memperbaiki keadaan oleh kerana akan timbul konflik kelas oleh kerana gelisahan pekerja-pekerja akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap teguran-teguran yang dibuat terhadap Rang Undang-undang ini tidak akan disalah-ertikan, kononnya, teguran-teguran ini datangnya daripada orang-orang anti-nasional atau kominis-inspired kerana kita sering mendengar label-label seumpama itu digunakan terhadap mereka yang membuat teguran-teguran. Ini tidak akan mengubah keadaan yang wujud sekarang baikpun tuduhan-tuduhan seumpama itu dilemparkan terhadap kesatuan-kesatuan sekerja ataupun terhadap orang-orang yang tertarik dengan nasib kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Menteri sedar mengenai satu mesyuarat khas yang berlaku di MTUC di mana wakil-wakil MTUC hadir pada 20hb Jun, 1976 dan tentulah beliau ada wakil

atau spy di sana yang tahu suasana atau perasaan marah wakil-wakil Kesatuan-kesatuan itu. Sebab itu, adalah sangat mustahak Rang Undang-undang ini tidak dengan terburu-buru diluluskan. Sebenarnya, saya dapat tahu bahawa Yang Berhormat Menteri ditugaskan untuk mengaturkan satu mesyuarat antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pihak MTUC di mana pihak MTUC boleh mengemukakan pandangan-pandangan mereka dan saya rasa tidak patut apabila terdapat satu cadangan bahawa Rang Undang-undang ini dikemukakan untuk diluluskan tanpa mengadakan perbincangan atau perundingan dengan pemimpin-pemimpin di mana pihak MTUC boleh mengemukakan pandangan-pandangan mereka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apa yang mereka kehendaki ialah terutama sekali untuk kaum pekerja ialah bukan pindaan-pindaan sedikit demi sedikit kepada Ordinan Kerja, 1955. Apa yang mereka berkehendaki ialah satu Akta Kerja yang baru yang boleh memberikan pengakuan tentang taraf kedudukan kaum pekerja di dalam masyarakat kita ini. Ini sebenarnya adalah satu perkara yang sangat memalukan, kerana selepas 20 tahun Kemerdekaan kita masih lagi mengasaskan Undang-undang Buruh kami kepada perundangan yang dibuat pada zaman penjajah. Selepas Merdeka kita mesti mempunyai Undang-undang sendiri. Sebab itu, saya bercadang selepas Second Reading saya akan mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan dengan sebab-sebab bahawa yang pertama, pergerakan perburuan dan MTUC tidak dinasihati dan dirundingkan dengan sepenuhnya sebagaimana yang dibuktikan dalam telegram MTUC dan dalam ucapan-ucapan Yang Berhormat Menteri Buruh.

Kedua, dengan terburu-buru dan tanpa satu pertimbangan yang lebih dalam dan menyeluruh untuk mengemukakan pindaan ini terhadap Ordinan Kerja, hanya akan melibatkan sebilangan kelas dan ini adalah tidak patut di dalam satu keadaan keselamatan yang tidak stabil ini. Langkah ini akan memburukkan kepentingan negara kita. Sebab ketiga, saya mencadangkan Rang Undang-undang ini dikemukakan kepada Select Committee ialah apa yang diperlukan ialah bukan pindaan sedikit demi sedikit, dan tanpa pertimbangan yang mendalam dan menyeluruh untuk meminda Ordinan Kerja yang sekarang tetapi satu Akta yang baru, dan sebab keempat yang juga penting sekali ialah

Yang Berhormat Menteri Buruh nampaknya daripada semalam dan dalam sidang Parlimen ini tidak layak untuk mempertimbangkan berbagai cadangan yang dikemukakan bukan sahaja daripada pihak sini tetapi sekiranya ada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak Barisan Nasional dan contoh ini sangat terang tentang apa yang berlaku pada 5hb Julai dan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Buruh semalam sendiri dan di sini untuk menjelaskan ini. saya membaca *Hansard* 5hb Julai mengenai perkara ini, apa yang saya katakan

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pendek sahajalah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya ada kata dalam muka 40:

“Tuan Lim Kit Siang: Adakah cadangan-cadangan atau pindaan-pindaan kepada Employment Ordinance yang akan dibentangkan di Dewan ini akan dibahaskan, membuat peruntukan di mana seorang pekerja yang bekerja, umpamanya 20 tahun, majikan, mengikuti Section 12 (3) (c) memberi four weeks notice to terminate perkhidmatannya”—bukan oleh kerana misconduct dan bukan oleh kerana incompetence.

Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri kepada cadangan kami ialah untuk menarik Fasal itu dan menggantikannya dengan memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan. Kalau Ahli Yang Berhormat belum membaca cadangan itu tak usahalah cabar.

Hari itu saya telah bertanya, di manakah ada peruntukan di dalam pindaan ini. Dan semalam beliau menjawab bahawa beliau mengerti; maknanya ialah peruntukan bagi retrenchment benefit dan retirement benefit selepas pembatalan Seksyen 60G dan 60H di dalam Ordinan. Soalan seperti ini ialah berkenaan dengan seorang pekerja whose service is properly terminated. Dia nampaknya sampai sekarang tidak faham, tidak boleh faham, jahil atau buat bodoh. Saya tidak tahu. Oleh sebab itu apa cadangan-cadangan yang saya kemukakan, saya nampak barangkali beliau tidak begitu faham. Selepas mengkaji satu minggu, atau dua minggu, pun tidak boleh dapat satu jawapan yang betul.

Oleh sebab itu, adalah lebih baik perkara ini diserahkan kepada satu Select Committee di mana semua orang yang tahu-menahu perkara ini boleh mengkaji dengan mendalamnya. Jangan tidak faham apa undang-undang principal, apa undang-undang pindaan. Kita tidak mahu pindaan ini diluluskan secara terburu-buru. Itu akan mengakibatkan result yang sangat buruk.

Sungguhpun saya faham bahawa beberapa hari yang lepas Yang Berhormat Menteri Buruh telahpun bertungkus-lumus untuk mempelajari pindaan-pindaan, tetapi itu tidak berguna oleh kerana sebelum First Reading beliau mesti faham pindaan ini. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat mustahak dan saya tidak mahu menjadikan perkara ini personal, tetapi apa yang mustahak kita mesti serahkan pindaan-pindaan itu kepada Select Committee kerana ini tentu jelas bahawa Yang Berhormat Menteri tidak faham Undang-undang Buruh sendiri.

3.51 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Akta Kerja, 1976 iaitu meminda Ordinan Kerja, 1955. Kalau kita kaji tahun 1955 jelas bahawa Ordinan Kerja tahun 1955 adalah Ordinan Kerja waktu zaman penjajah sebelum merdeka dahulu. Pada hari ini kita hendak meluluskan satu Akta Kerja Pindaan tahun 1976 yang merupakan satu pindaan yang amat baik dan saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah dapat mengadakan satu Akta yang baru, yang berdasarkan kepada Ordinan Kerja, 1955.

Saya cuma berasa hairan sedikit kepada sahabat saya Ahli dari Kota Melaka yang pada suatu ketika beliau bercakap sejak kita merdeka, dia marah kita tidak mempunyai Ordinan sendiri, kemudian pada hari ini apabila dibentangkan untuk diluluskan ditentang pula. Jadi itulah sebabnya barangkali sudah memang biasa Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang diadakan ini saya rasa adalah satu perubahan yang amat besar dan mengikut kenyataan Huraian iaitu tanpa melibatkan perbelanjaan tambahan kewangan Kerajaan. Tetapi satu-satu pindaan yang dibuat, terutama sekali satu pindaan yang amat besar ini, akan melibatkan perbelanjaan kepada badan-badan majikan.

Kerana mengikut keterangan-keterangan yang diberi oleh Menteri; iaitu faedah-faedah yang banyak diperolehi oleh pekerja-pekerja keseluruhannya. Apa yang saya takut, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak Kerajaan berhati-hati sedikit. Saya tidak mahu pula apabila dinaikkan gaji kepada pekerja dan faedah yang banyak didapati oleh pekerja, saya tidak mahu nanti ada kilang-kilang yang akan menaikkan harga barang. Dan timbul pula satu masalah inflasi cara baru dalam negara kita; baik dari segi kenaikan barang mentah ataupun barang perkilangan. Ini saya berharap sangat kepada Menteri kita, iaitu apabila hendak mengimplimen Akta ini, janganlah orang ramai juga nanti menderita, harga barang naik dan keuntungan daripada pihak kilang-kilang itu akan bertambah, bukannya kurang. Ini satu perhatian yang ingin saya kemukakan kepada Menteri yang berkenaan.

Yang kedua, Akta ini amat penting, kerana kalau kita perhatikan mengikut siaran-siaran akhbar iaitu apabila ada menyambut Hari Buruh dan sebagainya, kita dapati banyak bendera-bendera komunis disebarkan. Siapa yang mengibarkan dan dimana tempat yang disebarkan? Kalau kita siasat, kita dapati tempat-tempat yang disebarkan ialah di rumah-rumah yang belum siap, di tepi jalan dan sebagainya. Di sini menunjukkan iaitu selama ini boleh jadi oleh kerana Ordinan Kerja Tahun 1955 ini sangat tidak baik, Kerajaan belum hendak meminda dan pekerja-pekerja ini naik bosan atau frustration. Dan mereka sanggup menjadi alat-alat komunis untuk menyebarkan segala alat-alat komunis itu. Jadi saya berharap dengan adanya pindaan Akta Kerja Tahun 1976 ini, dapat kita menarik balik perasaan pekerja-pekerja kita yang selama ini kerap kali kita mendengar kononnya pekerja-pekerja kita ini dua kali dijajah. Sekali dulu dijajah oleh penjajah dan sudah merdeka pun ada juga mereka ini dijajah, iaitu dijajah oleh majikan-majikan, terutama sekali di kawasan-kawasan ladang-ladang yang besar dan industri-industri yang besar.

Kita tahu 70% dalam industri yang besar-besar dalam negara kita ini masih lagi dikuasai oleh pemodal-pemodal asing. Dan ini saya berharap sangat pihak Menteri setelah Dewan ini memberi kuasa kepada beliau dan beliau pula akan memberi kuasa kepada pegawai-pegawainya, saya berharap pegawai-pegawai di Kementerian ini hendaklah

sungguh-sungguh memikirkan iaitu untuk mengorbankan sedikit perkara-perkara kepentingan diri dan sebagainya demi untuk kepentingan pekerja-pekerja kita supaya Kerajaan kita tidak disalahkan lagi. Supaya niat baik Kerajaan kita hendak menolong meninggikan taraf hidup pekerja-pekerja kita ini berjaya. Terutama sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya menitik-beratkan perkara ini kerana setelah kita luluskan Akta ini, maknanya kita memberi kuasa yang amat besar. Jadi, kuasa ini, kalau kita tidak fikirkan habis-habis, kalau kita hendak menyalahkan pegawai-pegawai; tetapi kuasa ini yang ada. Kuasa yang ada ketikanya kalau kita tidak sedar akan boleh dibeli, boleh dibelikan dengan wang ringgit. Di sinilah saya mengharap sangat kepada Menteri, apabila menyerahkan kuasa kepada pegawai-pegawainya, berharap sangat pegawai-pegawai di Kementerian ini akan bersungguh-sungguh bekerja, menjalankan tugas supaya tidak mereka ini dibeli oleh majikan.

Kita faham, selalu kita dengar rungutan daripada pekerja-pekerja, maka sebab itu Persatuan Pekerja ini sentiasa kuat. Beberapa kali kita dengar rungutan daripada mereka kononnya apabila pegawai-pegawai ini hendak datang ke kilang-kilang mereka ini beritahu siang-siang dan disambut cara besar-besaran oleh taukeh-taukeh dan majikan-majikan. Ini rungutan pekerja-pekerja, samada betulkah atau tidak, terpulangnya kepada pegawai-pegawai di Kementerian yang berkenaan untuk membetulkannya, untuk menafikannya. Bukannya kerja orang politik sahaja untuk menafikan dan mempertahankan Kerajaan. Kita tidak mahu apabila orang politik seperti Ahli-ahli Dewan ini mengkeritik, Menteri kadang-kadang mempertahankan ianya benar bahawa pegawai-pegawai itu betul-betul sungguh. Ada ketikanya yang kami ahli-ahli politik ini kemukakan adalah dengan tujuan yang baik. Bukan tujuan hendak menuduh pegawai-pegawai. Ini apa yang kami dengar, rungutan-rungutan ini dan banyak pula orang yang bercakap dan kami sedar bahawa pegawai-pegawai di Kementerian itu tidak ramai. Dan kami tahu kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Jadi saya berharap sangat teguran-teguran yang dibuat oleh ahli-ahli politik di dalam Dewan ini terhadap pegawai-pegawai, saya harapkan ini

digunakan sebagai satu panduan dan terimalah teguran-teguran ini dengan ikhlas. Kerana penerimaan secara ikhlas itu, saya sendiri berasa sebagai satu pengorbanan pegawai-pegawai itu terhadap negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi masalaah pindaan Akta ini, saya berharap Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah siap dan lengkap dengan alat-alat penerangan untuk menghebahkan supaya sejumlah besar buruh-buruh ataupun ahli-ahli kesatuan buruh di dalam negara kita ini mengetahui sedalam-dalamnya faedah-faedah yang akan mereka dapati daripada pindaan ini supaya buruh-buruh ini tidak boleh diputarbelitkan oleh orang-orang yang akan cuba mengambil kesempatan menyalahgunakan niat baik Kerajaan ini terhadap mereka, ini adalah penting. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan; saya percaya iaitu Kementerian ini pada hari ini telah cukup dengan pegawai-pegawainya untuk meimplimentasikan Akta yang kami hendak luluskan di dalam Dewan ini. Kami tidak mahu lagi ada ketikanya setelah Akta diluluskan, apabila ditanya balik kepada Kementerian, pihak Kementerian atau pegawainya balik bercakap. Oh! Akta diluluskan tetapi pegawainya tidak ada, itu tidak ada, ini tidak ada. Dan ini saya berharap tidak akan berlaku lagi terutama sekali Tuan Yang di-Pertua, kita akan menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya perhatikan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi iaitu kononnya Kementerian kita tidak ada hubungan dengan Kesatuan Sekerja. Tuduhan ataupun kata-katanya itu kita tidaklah hairan boleh jadi kerana dia pun tidak siasat lebih mendalam. Saya percaya Kementerian kita sentiasa mempunyai hubungan rapat dengan Kesatuan Sekerja, kecuali ada di antara pegawai-pegawai dalam Kesatuan Sekerja ini tidak dapat menggunakan Kementerian ataupun dengan berhubung rapat dengan Kementerian, maka imej mereka akan jatuh dan untuk faedah diri mereka, maka sebab itu mereka merenggangkan diri. Itu kita fahamlah iaitu politik ini berlaku di mana-mana, Tuan Yang di-Pertua, di mana ada kesatuan dan di mana orang ramai memang berlakulah politik persendirian ini; kita tidak hairan, tetapi asalkan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat kita sungguh-sungguh mempunyai alat kelengkapan untuk menghadapi

segala tuduhan-tuduhan ini dapat kita implimentasikan. Saya percaya rakyat jelata akan menjunjung tinggi Akta pindaan ini kerana kalau sungguh-sungguh Akta ini akan memberi faedah kepada mereka, itu yang penting, iaitu kepentingannya kelak, apakah akibatnya. Sekarang ini boleh katakan kita akan ditentang tetapi dengan syarat kalau ada keuntungan dan faedah diberi, saya percaya Akta ini akan memberi nikmat.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, saya mintalah kepada Menteri supaya pekerja-pekerja kita akan sungguh-sungguh menikmati kemudahan daripada pindaan ini tanpa menimbulkan masalaah kepada mereka. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan meminta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 5.15 petang. Oleh sebab ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, saya harap kalau dapat ringkas-ringkas sedikit ucapan masing-masing dan tumpukanlah kepada pindaan Undang-undang ini.

4.05 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Ordinan Kerja yang mana saya suka mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan membuat pindaan ini tetapi dengan memberikan pertimbangan.

Dalam Fasal 21 Seksyen 37 (a) Part IX memberikan cuti beranak selama 30 hari sebelum melahirkan anak dan 30 hari lagi selepas melahirkan anak, elaun bersalin telah ditetapkan \$3 sehari dalam tempoh bercuti 60 hari. Tetapi memandangkan harga sara hidup yang tinggi di masa ini elaun \$3 bagi kemudahan bersalin tidak mencukupi untuk dibelanjakan bagi barang-barang makanan yang mustahak untuk mengembalikan tenaga ibu yang bersalin dan anak yang dilahirkan. Adalah lebih berpatutan kiranya elaun bersalin itu diselaraskan dengan gaji biasa pekerja yang terlibat dengan syarat tidak ada sebarang bayaran yang akan dikenakan. Dalam masa seorang ibu yang bersalin beliau boleh katakan masih bekerja tetapi adalah dalam keadaan yang berlainan. Ibu itu akan memelihara anaknya dengan penuh kasih sayang dan kemesraan, terutama sekali kepada anak yang baharu dilahirkan dan yang masih kecil. Saya percaya

setiap individu akan bersetuju bahawa semua kerja yang diperlukan dalam tempoh kelahiran anaknya adalah lebih berharga kalau dibandingkan dengan kerja-kerja hariannya. Kita janganlah cuba menghindarkan sedikit kemudahan yang layak diterimanya semasa ia melahirkan anak yang mana tiap-tiap suami akan tetap mengalu-ngalukan langkah itu dengan penuh gembira.

Selain daripada itu, Kerajaan hendaklah menubuhkan satu majlis yang akan dapat melaksanakan satu rancangan ke arah penggunaan susu ibu (breast feeding). Ini adalah juga satu rancangan yang mendapat sokongan penuh dari seluruh dunia di mana WHO dan SAO turut serta mengalu-ngalukannya. Memberi minuman susu ibu memerlukan perhatian ibu setidak-tidaknya dalam tempoh 30 hari pertama selepas bersalin. Dalam masa tersebut itu dikehendaki bersama-sama anaknya sepenuh masa dengan memakan barang-barang yang berzat khususnya untuk tujuan breast feeding. Oleh itu, beliau memerlukan wang yang banyak untuk membeli barang-barang makanan yang baik.

Dalam Fasal 21 Seksyen 37 (c) PART IX mengatakan bahawa seorang pekerja itu tiada berhak menerima elaun bersalin sekiranya semasa dia bersalin telah ada mempunyai tiga atau lebih anak yang hidup. Ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah satu pindaan yang baik. Percubaan untuk membuat satu konsep undang-undang yang telah diterima orang-orang yang berpendidikan dan sophisticated sebenarnya belum dapat diterima di dalam negara ini, kerana memandangkan kepada hakikat bahawa Malaysia masih merupakan sebuah negara pertanian yang asas dengan demikian penduduk-penduduknya tidak mempunyai sophistication dunia barat. Oleh yang demikian, untuk mengenakan undang-undang sedemikian rupa kepada orang-orang kita akan mengakibatkan keadaan huru-hara kepada kehidupan keluarga dan sebilangan besar penduduk-penduduk. Seorang wanita yang mempunyai bayi memerlukan ketenangan jiwa dan rihat, tetapi kalau beliau tergesa-gesa untuk bekerja semula semata-mata untuk mendapatkan gajinya tanpa mengikut adat kebiasaan bagi beliau terus berihat tentu sekali akan merusakkan kesihatannya, daya pemikirannya tidak akan berjalan dengan betul dan sebagai seorang isteri talian perkahwinannya akan terjejas.

Kalau kita bandingkan penduduk-penduduk Malaysia dengan India dan China, kita masih mempunyai masa yang singkat dalam projek perancangan keluarga kita. Kita tidak menghadapi masalah-masalah yang sama seperti di India dan problem yang dialami di dalam negeri China dan Kerajaan tidak perlu mengambil langkah yang keras dan akan menghindarkan hak asasi setiap individual. Kita janganlah memikirkan perkara wanita dan lelaki tetapi pada keseluruhannya adalah merupakan soal keluarga.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, dengan rancangan intensif dalam rancangan keluarga, pelajaran dan mengurangkan bilangan anak akan dapat dihadkan oleh sebilangan besar wanita yang bekerja dan dengan demikian cara yang tidak menasabah itu tidak perlu dilaksanakan.

Sebagai yang penutup, saya harap Kerajaan akan dapat menimbang pindaan-pindaan ini sekali lagi sebelum ia dilaksanakan terutama sekali Clause 21, section 37 (c) Bahagian IX.

4.12 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Akta Kerja (Pindaan), 1976 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan saya juga mengucapkan tahniah kepada beliau kerana langkah yang diambil ini pada pandangan saya ialah satu langkah yang progresif. Dengan lulusnya Akta ini adalah diharapkan beribu-ribu pekerja mahir dan tidak mahir akan dapat menikmati faedah-faedah seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pampasan Pekerja dan SOCSO. Selama ini tidak pernah pekerja-pekerja ini menikmati faedah-faedah tersebut dan selama ini juga tidak ada pihak kesatuan sakerja yang berusaha atau yang cuba hendak memberikan pekerja-pekerja ini atau membela pekerja-pekerja ini untuk mendapat faedah-faedah yang tersebut.

Saya berasa hairan atas sikap MTUC. Sebelum Persidangan Dewan Rakyat ini berjalan pihak MTUC telah membelanjakan wangnya dan saya fikir ini wang pekerja-pekerja beratus-ratus ringgit kerana menghantar taligrem kepada setiap Wakil Rakyat dan taligrem-taligrem itu harganya tidak kurang daripada \$5 satu taligrem. Tujuan

mereka menghantar taligrem kepada semua Wakil Rakyat itu ialah memujuk, meminta, mendesak Ahli-ahli Yang Berhormat di sini supaya jangan meluluskan Akta yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk kebajikan rakyat dan boleh jadi ini untuk menarik perhatian kepada buruh-buruh bahawa pihak MTUC ini telah bertindak sesuatu untuk membela para pekerja tetapi dengan penghantaran taligrem kepada semua Ahli-ahli Dewan Rakyat itu, pada pendapat saya bukanlah satu langkah pihak MTUC untuk membela pekerja-pekerja. Ini ialah satu langkah untuk menutup malu pihak Ahli-ahli Kesatuan Sekerja kerana selama ini mereka tidak membuat apa-apa, tidak menjalankan satu usaha pun untuk membela pekerja-pekerja yang selama ini tidak menikmati faedah-faedah yang akan didapati apabila Akta ini lulus. Jadi itulah yang saya katakan tadi tindakan atau langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat ini ialah satu langkah yang progresif.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pekerja-pekerja yang terlibat dengan Akta ini ialah pekerja-pekerja kontraktor bangunan. Selama ini cara pekerja-pekerja ini bertugas dalam membina bangunan-bangunan pada mulanya pihak yang berkenaan, misalnya pihak Jabatan Kerjaraya mengeluarkan tender dan tender itu dimenangi oleh satu kontraktor. Kontraktor ini pula biasanya memberi kerja-kerja itu kepada sub-kontraktor. Apa yang saya tahu di negeri Pulau Pinang cara mereka membahagi-bahagikan kerja ini kepada empat bahagian, iaitu sub-kontraktor yang mereka namakan Kepala. Kepala yang menjalankan kerja-kerja besi, buat cerucuk, (piling) dan sebagainya; kemudian Kepala yang menyediakan pekerja-pekerja untuk mengecat bangunan; kemudian Kepala yang menyediakan orang-orang untuk membuat plaster simin dan sebagainya dan yang akhirnya ialah pekerja-pekerja yang menyediakan bekalan air dan bekalan elektrik. Ini cara pembahagian kerja-kerja ini. Jadi, semua pekerja-pekerja ini bekerja di bawah sub-kontraktor dengan sistem bayaran gaji hari—ada kerja ada gaji dan mereka ini tidak didaftarkan dalam senarai pekerja-pekerja di bawah sub-kontraktor tadi. Jadi inilah yang menyebabkan pekerja-pekerja ini tidak mendapat sebarang faedah seperti yang telah saya katakan.

Kita semua tahu tiap-tiap tahun beratus juta ringgit dan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini beribu juta ringgit Kerajaan akan membelanjakan untuk membuat pembinaan bangunan-bangunan, sekolah-sekolah, jambatan-jambatan, hospital-hospital dan sebagainya tetapi yang memonopoli untung paling banyak ini ialah kontraktor yang besar. Orang yang betul-betul bekerja membina bangunan itu tidak mendapat apa-apa, cuma upah sahaja. Biasa berlaku kemalangan-kemalangan yang melibatkan jiwa, yang melibatkan lumpuhnya anggota pekerja-pekerja itu mereka tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Jadi dengan lulusnya Akta ini diharaplah pekerja-pekerja yang berkenaan itu akan mendapat faedah.

Tuan Yang di-Pertua, bila membaca Akta ini dalam Fasal 4, seksyen 2A, saya minta izin membaca di sini:

“2A. (1) The Minister may by order prohibit the employment, engagement or contracting of any person or class of persons to carry out work in any occupation in any agricultural or industrial undertaking, constructional work, statutory body, local government authority, trade, business or place of work other than under a contract of service entered into with—”

Di sini apabila kita baca tidak melibatkan pekerja-pekerja yang bekerja dengan nelayan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh jadi nelayan-nelayan ini termasuk dalam industrial undertaking atau trade or business, boleh jadi ini ada kemungkinan pada pendapat saya. Itupun tidak spesifik kepada nelayan-nelayan. Maksud saya terutama di kawasan saya sendiri, iaitu di kawasan Balik Pulau ada satu pusat nelayan di Batu Maung, beratus-ratus bot pukat tunda yang dimodali oleh jutawan-jutawan, kapitalis-kapitalis besar, sebuah bot itu harganya tidak kurang daripada \$200,000 modalnya dan tiap-tiap bot ini menggunakan 6 orang pekerja. Cara sistem ialah gaji hari juga—ada kerja ada gaji, tak ada kerja tak ada gaji, cuti langsung tidak dapat—tidak ada cuti dan cara pembayaran gaji inipun berdasarkan banyak tangkapan yang dibuat. Ini lagi menyedihkan. Dan selama ini kita tahu pihak nelayanlah yang paling teruk ditindas, yang paling teruk diperah keringat mereka, tenaga mereka dan bayaran yang mereka dapat tidak seimbang sama sekali dengan tugas-tugas yang mereka jalankan.

Jadi, saya berharap kepada pihak Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian dalam perkara ini supaya nelayan-nelayan yang bekerja dengan pukut-pukat tunda dan taukeh-taukeh besar boleh mendapat nikmat dan faedah daripada apa yang kita luluskan hari ini. Ramai nelayan-nelayan yang terlibat tidak kurang daripada 10,000-20,000 di kawasan saya sahaja dan saya fikir di lain-lain kawasan pun begitu juga.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan undang-undang yang kita lulus ini semuanya akan memberi faedah kepada pihak-pihak yang tertentu. Jadi, apa yang hendak saya tegaskan di sini ialah pelaksanaan undang-undang itu. Sekiranya pelaksanaan ini tidak dijalankan dengan tegas maka undang-undang yang kita luluskan ini tidak akan memberi guna atau tidak akan memberi faedah besar kepada para pekerja.

Saya suka menyarankan kepada Menteri yang berkenaan, yang pertama, pihak Kementerian patutlah menubuhkan satu task force unit atau yunit penguatkuasa supaya semua sub-contractors yang membekalkan pekerja-pekerja didaftarkan dan sub-contractors kita ini hendaklah diwajibkan memberitahu Pejabat Buruh berapa bilangan pekerja-pekerja mereka, berapa ramai pekerja-pekerja di bawahnya. Dengan cara ini pihak-pihak itu tidak boleh lagi hendak berselindung ataupun cuba hendak melarikan diri daripada tanggungjawab yang telah ditetapkan.

Satu lagi task force yang berkenaan ini hendaklah mengadakan hubungan yang paling rapat. Selalu berhubung dengan pihak-pihak yang selama ini membuat bangunan-bangunan, misalnya, Jabatan Kerja Raya juga pemaju-pemaju perumahan. Ini satu lagi badan yang di luar bidang kuasa Kerajaan. Pemaju-pemaju perumahan hari ini banyak membuat pembangunan, banyak membuat housing estate, banyak membuat kedai-kedai dan kontraktor juga banyak bekerja dengan pemaju-pemaju perumahan ini. Saya harap juga pihak Kementerian akan memberi perhatian yang berat kepada pemaju-pemaju perumahan ini supaya mereka mendaftarkan pekerja-pekerja atau buruh-buruh yang membina bangunan mereka.

Akhirnya, bagi saya, saya anggap Akta ini sebagai satu hadiah daripada Kerajaan kepada pekerja-pekerja dan sebagai satu

penghargaan Kerajaan kepada jasa pekerja-pekerja yang mereka telah buat iaitu membangunkan negara ini dengan pesat dan mendapat kemajuan yang sangat menggalakkan.

4.26 ptg.

Wan Zaimab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong. Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Kerja, 1955 kerana pada pendapat saya sangatlah baik oleh sebab Malaysia sekarang sudah terkenal sebagai sebuah negara perdagangan dan perindustrian. Kita semua sudah termaklum selepas kemerdekaan tanahair kita, banyak pelabur-pelabur asing telah datang membuka kilang-kilang di merata-rata tempat dan di tempat saya juga di Sungai Petani telah didirikan banyak kilang-kilang, tetapi banyak pekerja-pekerjanya adalah daripada wanita sebab kilang-kilang itu adalah kilang kain, kilang elektronik, kilang lilin dan kilang-kilang membuat benda-benda kecil dari getah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh Bahagian IX Perkara 37—Perlindungan Bersalin bagi wanita yang mana sangatlah wajar sebab diberi perhatian yang istimewa, bukan lagi dibayar secara sekim yang lama sebanyak \$3.00 sehari elaun bersalin tetapi mengikut gaji pekerja itu sendiri. Kalau \$8.00 sehari gaji itu maka dibayar \$8.00 kali 60 hari cuti bersalin. Jadi, ini pada fikiran saya sangatlah menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyatakan wanita-wanita di dalam Dewan ini apabila bercakap nanti mereka pun akan membantah. Sebenarnya wanita-wanita sekarang tidak suka banyak-banyak sangat anak, sebab wanita-wanita

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak suka banyak apa Yang Berhormat?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Anak lapan, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu tidak ada perancang keluarga, maklumlah orang lama. Sekarang ini baru ada perancang keluarga. Kalau sekarang ini, saya ingat tidak dapatlah beranak sampai begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang wanita-wanita kita ini kebanyakannya bekerja. Sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada fikiran beliau ingat mengandung dan bersalin ini senang. Tetapi

wanita tahu. Mengandung dan bersalin bukanlah senang. Bukan mengandung hari ini, besok boleh bersalin. Terpaksa tunggu 9 bulan 10 hari. Lagi pun apabila hendak bersalin, kata orang-orang sekarang dan juga orang-orang tua, terpaksa bergantung di rambut sehelai. Kalau bersalin itu cara biasa (normal), syukurlah. Kalaulah sekiranya menghadapi pembedahan, apa kata Yang Berhormat dari Kepong? Si ibu yang bersalin itu selalu susah hati. Tidak pernah kita tengok kalau sudah sampai masa hendak bersalin seseorang ibu itu seronok kerana maklumlah; ia kadang-kadang terlangsung susah kerana ia cuma fikir kadang-kadang boleh jadi si ibu itu mati, kadang-kadang meninggalkan anak-anak yang lain yang ada. Maka dengan kerana itu kerana membimbangkan hal kesihatan ibu tadilah maka Kerajaan kita pada masa sekarang ini telah menghadkan pada wanita-wanita yang bekerja oleh sebab tidak ada orang yang hendak menjaga anaknya itu. Jadi, kalau si ibu atau pekerja wanita itu bersalin tiga orang pun cukuplah, kerana kita tahu sungguhpun Kerajaan pada masa ini memberi bantuan buku-buku teks percuma bukanlah setakat buku teks sahaja. Kalaulah ibu tidak menjaga anaknya sendiri maka tidak dapatlah kasih sayang atau manja anak-anak itu kepada ibu. Maka dengan pindaan undang-undang ini, saya ingat sangatlah munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu ada berkata supaya kita ini akan membantah. Tetapi kalau ianya ditukar jadi wanita, baru dia tahu. Sebab sakit hendak bersalin itu bukan sakit demam atau sakit batuk. Jadi baru dia tahu kerana dia pun seorang doktor.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh seksyen 40 (1) saya bacakan di sini, kerana tidak ada dalam Bahasa Malaysia:

"40. (1) A female employee who is about to leave her employment and who knows or has reason to believe that she will be confined within four months from the date upon which she leaves shall before leaving for employment notify her employer for her pregnancy and if she fails so to do, she shall not be entitled to receive any maternity allowance from such employer."

Saya suka menyentuh perkara ini, kerana pernah terjadi seorang wanita mengandung sehingga tujuh bulan tanpa disedarinya dan

dengan adanya syarat ini iaitu seorang pekerja wanita itu hendaklah melaporkan kepada majikannya empat bulan sebelum bersalin iaitu masa beliau mengandung lima bulan tentu wanita itu tidak akan dapat maternity allowancenya. Jika sekiranya perkara ini terjadi, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan membuat syarat-syarat tertentu melindungi pekerja wanita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka sentuh ialah Fasal 29 Seksyen 60f yang mana memberi pertimbangan cuti sakit kepada pekerja-pekerja. Kalau dahulu seorang pekerja hanya boleh mengambil cuti sakit apabila ianya telah bekerja selama 12 bulan, tetapi dengan pindaan Rang Undang-undang ini pekerja tadi dapat cuti sakit tidak payah dia bekerja selama 12 bulan kerana kita tahu seseorang pekerja bukan suka sakit atau pura-pura buat sakit, tetapi ada kalanya selepas masuk kerja dua atau tiga hari ia telah jatuh sakit. Maka pekerja itu terpaksa diberi rawatan. Dengan adanya pindaan undang-undang ini beliau tidak lagi runsing tentang gajinya dan masalah membuang kerja. Ini adalah juga psychological effect.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin membentangkan dalam Dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan nasib petani-petani dan nelayan-nelayan yang mana pada masa ini kalau seorang nelayan kita tidak tahu di mana ia terpaksa bekerja atau ke laut pada siang atau malam. Malamnya apabila datang ribut si nelayan tadi boleh jadi dia dihanyutkan atau mati di masa ribut tadi, apakah gantirugi atau pembelaan kepada mereka ini, kerana tak ada siapa pun yang mengakui siapakah majikan dan siapakah pekerja. Inilah yang selalu terjadi. Saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan mencari jalan untuk menimbangkan perkara ini dan dengan adanya satu Rang Undang-undang khas maka nelayan dan petani tadi dapatlah kita menjamin pembelaan. Kalau tidak nelayan-nelayan ini selalu dijadikan mangsa oleh pemodal-pemodal yang memberi pinjaman bot dan kewangan. Jadi saya minta kepada Menteri supaya petani-petani dan nelayan-nelayan juga diberi satu undang-undang khas supaya nasib mereka terjamin. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ramai lagi yang hendak bercakap?

4.32 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Kerja tahun 1955 dan saya mengucapkan tabiah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan oleh sebab walau bagaimanapun kita semalam dan hari ini telah mendengar daripada Parti Pembangkang yang mengatakan pindaan ini tidak ada faedah kepada pekerja, tetapi yang sebenarnya pindaan-pindaan ini ada beberapa banyak faedah kepada pekerja. Barangkali beliau telah dipengaruhi oleh taligram dari MTUC dan telah jadi champion of workers' rights, telah juga lebih kurang menyalahkan Menteri yang berkenaan. Tetapi yang saya tahu sebagai seorang peguam ada beberapa pindaan di sini yang telah membuat beberapa weak areas di dalam Undang-undang Industrial.

Tuan Yang di-Pertua, Clause 13, Ordinan adalah dipinda dengan memotong seksyen 17. Nampaknya ini sangat simple tetapi saya telah baca seksyen yang berkenaan di mana di ladang getah misalnya, jika seorang pekerja kena buang kerja atau telah resign kalau suami telah dibuang kerja, isteri ikut juga tidak boleh kerja di dalam ladang itu. Jika Seksyen 17 ini sudah dipotong siisteri tadi boleh kerja balik. Inilah satu faedah kepada pekerja-pekerja yang barangkali beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berapa tahu.

Mengenai Clause 7 yang berbunyi:

"7. Subject to section 7A, any term or condition of a contract of service or of an agreement, whether such contract or agreement was entered into before or after the coming into force of this Ordinance, which provides a term or condition of service which is less favourable to an employee than a term or condition of service prescribed by this Ordinance shall be void and of no effect to that extent and the more favourable provisions of this Ordinance shall be substituted therefor."

Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, jika ada satu syarat di suatu surat perjanjian contract of service ada satu condition kepada pekerja yang tidak berfaedah, di dalam Clause ini Yang Berhormat Menteri telah membuat satu undang-undang syarat yang tidak baik kepada pekerja jadi null and void atau no effect supaya pekerja yang dipaksa sains satu contract of service bolehlah kata syarat-

syarat ini tiada faedah kepada pekerja-pekerja. Inilah satu faedah kepada pekerja-pekerja yang barangkali Parti Pembangkang tidak bangkitkan.

Clause 10 juga di mana Seksyen 14 Ordinan ini adalah dipinda dengan menggantikan Seksyen-kecil (1) (a). Di dalam Ordinan Pekerja yang lama dan buat seksyen-kecil mengikut (a) ada mengatakan: downgrade the labourer. Tetapi jika sekarang sudah dibuat pindaan ini, beberapa injustice tidak ada lagi. Oleh sebab sebelum dia boleh dismiss without notice an employee atau downgrade an employee, there must be grounds of misconduct inconsistent with the fulfilment of the expenses or implied conditions of his service and after due enquiry, di mana ordinan yang lama hanya setakat "after due enquiry" sahaja, tidak ada "after the grounds of misconduct inconsistent with the fulfilment of the express or implied conditions of his service" kepada seksyen kecil (b). Jadi ini adalah baik kepada pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang berkata mesti ada pindaan pekerja, tiada kontrak lagi. Tetapi kita pun tahu di dalam pembangunan negara kita mesti ada kontrak oleh sebab beberapa banyak rumah sakit umum atau bangunan yang besar sekali mesti ada kontrak. Tetapi ada kuasa kepada Menteri yang berkenaan boleh dikatakan di bawah Clause 4:

"The Minister may by order prohibit the employment, engagement or contracting of any persons or class of persons to carry out in any occupation"

Jadi ada kuasa kepada Menteri yang berkenaan jika ada dapat lapuran mengatakan ada kontraktor yang misuse or abuse the conditions of service. Ini ada satu kuasa yang kita mengalu-alukan oleh sebab di dalam pengalaman saya sebagai peguambela ada beberapa kali orang yang bekerja di dalam hutan (forest concession area), atau di kilang-kilang (sawmills) tidak dapat contribution kepada EPF, tidak dapat wang pampasan jika ada kemalangan maut atau ada injuries yang serious. Berapa kali kontraktor atau towkey mengatakan pekerja-pekerja saya bukan employee tetapi adalah di dalam sub-contract. Jadi menjadi kesusahan (hardships) kepada pekerja dan sekarang boleh dikatakan tidak ada lagi oleh sebab ada kuasa kepada Menteri yang berkenaan.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan oleh sebab dengan pindaan ini boleh dikatakan ada progressive kepada bidang pekerja-pekerja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

4.42 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Rang Undang-undang atau Akta untuk meminda Ordinan Kerja 1965 yang hendak dibawa oleh Menteri yang berkenaan ialah dengan tujuan yang baik tetapi tidak boleh dielakkan bahawa tiap-tiap perubahan atau pindaan membawa kepada beberapa kebaikan juga keburukan dan juga keraguan dan kita sebagai Wakil Rakyat barangkali adalah menjadi tanggungjawab kita untuk meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan lebih jelas lagi supaya keraguan-keraguan itu dapat diatasi membolehkan kita semua menerangkan perkara-perkara ini kepada pekerja-pekerja mengenai Akta ini. Jadi, saya cuba menarik perhatian Kementerian yang berkenaan atas satu dua perkara. Pertama saya suka membawa kepada perkara 30 iaitu di muka surat 13 Ordinan ini iaitu berkenaan dengan memotong Seksyen 60G dan 60H.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri sendiri sedar bahawa seksyen 60G dan 60H ini sebagaimana terkandung dalam Ordinan Kerja 1965 ialah berkenaan dengan redundancy dan juga bersara. Dengan sebab itu saya berpendapat tanpa satu penerangan yang lebih jelas lagi, saya mempunyai perasaan ragu-ragu dengan dimansuhkan 60G dan 60H ini akan tidak membawa kebaikan kepada pekerja-pekerja dan saya berharap perkara ini dapat diterangkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, baharu semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa tiap-tiap pindaan yang hendak dibawa itu adalah untuk kebaikan. Hari ini saya berkata bahawa bukan sahaja untuk kebaikan tetapi hendaklah kita juga membawa pindaan itu untuk memelihara masa hadapan kesemua yang berkenaan; memelihara masa hadapan pekerja-pekerja, memelihara kebaikan dan masa hadapan majikan-majikan atau kaum pemodal dan memelihara maruah Kerajaan kita sendiri. Saya suka berkata bahawa walaupun usaha

yang dibuat oleh Kerajaan meminda Undang-undang supaya dapat kita mempengaruhi kaum-kaum pemodal menanam modal ke negara supaya lebih lagi negara kita makmur. Tetapi modal sahaja berapa juta ringgit sekali pun tanpa labour atau tenaga, tentu tidak akan membawa kepada apa-apa hasil. Dengan sebab itu, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hendaklah juga memikirkan bukan sahaja daripada segi modal tetapi juga pada segi pekerja-pekerja. Dan di sinilah soalan yang patut diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri samada sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan, beliau atau pihak-pihak yang berkenaan yang lain telah membuat rundingan dengan badan-badan yang mewakili pekerja-pekerja, samada telah dirundingkan dan dapat bersetuju daripada mereka, kalau sudah saya sukalah hendak dapat tahu siapa dia badan-badan itu untuk memuaskan hati saya.

Saya juga suka menyentuh satu perkara yang kecil sahaja iaitu dalam Huraian di muka surat 23 ini ada mengatakan bahawa Menteri diberi kuasa untuk mengecualikan orang-orang dan kelas-kelas orang daripada perjalanan kuatkuasa mana-mana peruntukan Ordinan dan dengan sebab itulah maka seksyen 2b yang baharu itu dimasukkan. Saya sebenarnya sayang kepada Yang Berhormat Menteri dan saya tidak suka dengan tuduhan-tuduhan yang tidak sehat ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan Yang Berhormat Menteri nanti menyalahgunakan kuasa itu dan ini. Dan kalau sayalah sendiri, misalnya, menjadi Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, saya sendiri tidak hendak tuduhan-tuduhan ini dikemukakan kepada saya dengan sebab itu elok jugalah Menteri yang berkenaan menerangkan setakat mana nanti kuatkuasa itu akan digunakannya dan kalau pun digunakannya, kuatkuasa itu janganlah digunakan untuk nanti membawa keburukan kepada pihak pekerja-pekerja.

Secara umum saya suka membawa kepada satu dua perkara iaitu saya ini sebenarnya juga menjadi seorang Penasihat kepada sebuah Kesatuan Sekerja dan dalam saya membuat kerja-kerja ini, saya dapati beberapa perkara penyelewengan oleh pihak majikan, misalannya Syarikat Dumex. Syarikat Dumex ada lebih kurang 30 orang pekerja-pekerja yang ditermkan sebagai pekerja-pekerja temporary dan orang-orang ini tidak dimasukkan ke dalam EPF. Dan trick yang digunakan ialah tiap-tiap dua bulan masuk tiga, dibuang—masuk lagi, tiap-tiap dua bulan

masuk tiga, dibuang—masuk lagi dan sentiasa orang ini di dalam term temporary. Yang anihnya kalau adalah kekosongan untuk masuk kepada permanent, bukan diambil masuk daripada rank and file orang-orang yang temporary ini tetapi diambil daripada orang-orang yang datang daripada Labour Exchange.

Ini sebagai satu contoh di mana patut sangat Yang Berhormat Menteri meyasat dan bukti-bukti ada pada saya, kalau hendak kerjasama daripada saya. Saya juga meminta satu arahan dibuat kerana saya datang daripada satu kawasan di mana kebanyakan daripada orang-orangnya ialah pekerja-pekerja ladang getah dan juga perusahaan bijih timah. Pada masa-masa lawatan yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Buruh di kawasan-kawasan ladang dan juga lombong ini dapat mereka membuat lawatan atau pun sebelum membuat lawatan berhubung dengan wakil-wakil rakyat supaya dapat kami memberi gambaran yang benar akan keadaan-keadaan di kawasan itu; banyak perkara-perkara penyelewengan daripada segi kesihatan, daripada segi perumahan yang ada dan jikalau Pegawai-pegawai Buruh ini pergi terus tanpa berhubung dengan wakil-wakil rakyat, maka gambaran yang elok sahaja dikemukakan oleh ladang-ladang ini, kerana pada biasanya Pegawai-pegawai Buruh ini bila melawat ia berjumpa, bukan dengan buruh-buruh biasa, tetapi terus pergi kepada pejabat-pejabat di ladang itu atau pun kepada bungalow Pengurus-pengurus itu dan tidaklah dia mengetahui apakah sebenarnya.

Setakat itulah sahaja saya membuat teguran dan saya harap pihak Menteri dapat menimbangkan teguran-teguran saya ini dan di dalam menggulung nanti dapatlah memberi penerangan-penerangannya, dan dengan ini saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

4.50 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Abdul Majid (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana telah dapat peluang untuk berucap dalam membahaskan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) tahun 1976 ini. Ini adalah satu kejayaan yang besar yang telah dibuat oleh Ordinan Kerja (Pindaan) 1955 yang mana kejayaan yang saya maksudkan di sini ialah pemansuhan perkataan "buruh" yang terdapat di dalam Ordinan Pekerja 1955 yang digantikan dengan perkataan "pekerja"

mungkin memandangkan ini adalah hanya satu penukaran di dalam penggunaan perkataan sahaja, tetapi pada pendapatan saya di sini pertukaran ini bukan hanya pertukaran di dalam penggunaan bahasa sahaja tetapi pertukaran ini lebih penting. Ordinan ini telah memberikan suatu digantikan kepada orang yang di bawahnya undang-undang itu menguasai Ordinan ini tidak lagi dikhaskan sahaja untuk buruh dan buruh-buruh kasar sahaja, malahan dengan pengantian perkataan "buruh" ke perkataan "kerja" dan selanjutnya dengan pengtakrifan yang baru yang diberikan kepadanya mengikut Jadual Pertama Ordinan ini telah mengambil satu langkah yang wajar untuk memberi satu pengiktirafan baru kepada pekerja-pekerja.

Selain daripada itu, setelah 21 tahun yang lalu Ordinan ini hanya dipakai untuk buruh sahaja, maka dengan adanya Rang Undang-undang pindaan ini barulah khasnya dan juga pemeliharannya diperluaskan kepada pekerja-pekerja lain, sebagaimana yang diperihalkan di dalam Jadual Pertama, kesedaran di pihak Kerajaan ialah untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja yang bergaji tidak lebih daripada \$750 sebulan. Dan orang-orang ini tidaklah boleh dianggap sebagai buruh, amatlah dihargai dan juga kena pada tempat dan masanya, bertambah-tambah lagi memandangkan kepada kemajuan yang diamali oleh negara kita ini di dalam bidang perindustrian, pertanian, perubatan, perniagaan dan juga memandangkan bilangan penduduk-penduduk negara ini yang bahagian terbesar adalah di bawah umur 30 tahun ke bawah yang berkelayakkan dan yang menganggur, maka perkhidmatan pekerja-pekerja yang sedia ada di dalam sektor ini hendak diawasi supaya mereka yang sedia berkhidmat atau yang akan berkhidmat tidak disalahgunakan oleh majikan-majikan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 Rang Undang-undang pindaan ini telah memasukkan satu seksyen baru iaitu seksyen 2A dan 2B. Seksyen 2A memberi kuasa kepada Menteri untuk melarangkan dengan secara suatu perintah pengambilan pekerja di dalam keadaan tertentu kecuali di bawah satu kontrak perkhidmatan yang dibuat di antara pekerja dan majikan. Ini adalah satu langkah yang bijak kerana dengan ini Kerajaan mencegah seorang itu menjadi majikan dan juga bekerja di dalam satu-satu keadaan

tertentu. Dan dengan itu juga barulah terdapat satu garisan yang tepat memisahkan di antara satu dengan yang lain bagi maksud peruntukan Undang-undang Kerja itu. Jika tidak dibuat begitu seorang itu akan menjadi majikan dan juga pekerja di dalam satu keadaan tertentu bolehlah mengelakkan dirinya daripada satu atau lebih daripada satu peruntukkan Undang-undang Kerja atau undang-undang yang lain yang sepatutnya seorang majikan atau pekerja ini akan ditakluki oleh undang-undang ini. Apa yang hendak ditegaskan di sini ialah penguatkuasa seksyen ini hendaklah dijalankan dengan sepenuhnya dan satu soalan yang timbul ialah sama ada Jabatan atau Kementerian yang berkenaan mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas mengawasi larangan ini. Membuat undang-undang adalah satu perkara, tetapi yang lebih penting menjalankannya adalah satu perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pindaan besar dan penting dari segi pekerja-pekerja wanita ialah pindaan kepada Bahagian IX berkaitan dengan perlindungan yang diberi berhubung dengan cuti bersalin. Jika dibandingkan dengan seksyen-kecil 2 Seksyen 37 dengan Ordinan Pekerjaan 1955 nyata lah perbezaan amat besar di antara elaun-elaun yang seorang pekerja wanita yang berada di dalam cuti bersalin mendapatnya. Dengan pindaan ini seorang pekerja yang berada di dalam hal keadaan seperti ini tetap akan mendapat elaun yang tepat dan adil bukannya lagi elaun yang akan diterima daripada majikannya pada masa dan sekadar yang diperihalkan. Soal berkenaan pada masa dan sekadar yang diperihalkan sebagaimana yang dinyatakan oleh peruntukkan di dalam Akta ibu itu tidak akan timbul dan membawa apa-apa kerumitan lagi. Jika diteliti seksyen-kecil 3, seksyen 40 ini kita dapati ada pula unsur-unsur hukum syara' terselit didalamnya. Unsur-unsur ini bukanlah secara tepat dan menerusi tetapi boleh dikatakan adalah sebagai bau bacang, kerana seksyen-kecil 3 itu menjadi satu kesalahan bagi seorang majikan yang membuang kerja seorang pekerja wanita yang berada di dalam cuti bersalin, cutinya itu layak dari segi Bahagian IX ini adalah seperti kedudukan seorang suami yang diharamkan menceraikan isterinya sewaktu ia mengandung dan masih berada di dalam edah.

Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan atas tindakan baru ini. Di sini janganlah pula saya dituduh memaling tadah kepada kepentingan kakitangan-kakitangan pekerja perempuan, atau pekerja wanita. Apakah hak seorang majikan membuang seorang pekerja yang berada di dalam cuti bersalin, tetapi yang telah berkelakuan tidak seimbang dan tidak patuh dengan syarat-syarat perkhidmatannya baikpun syarat ini secara nyata atau disifatkan seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 14 dalam Fasal 10? Adakah semestinya majikan itu menunggu sahaja tamatnya cuti bersalin pekerja ini baru boleh pekerja itu dibuang? Sayugia dinyatakan juga di sini Ordinan Kerja itu melindungi hak seorang majikan bukan hanya melindungi hak pekerja. Jadi, soalan yang ingin saya tahu ialah apakah kedudukan seorang majikan sekiranya syarat-syarat di bawah Fasal 10. Seksyen 14 (1) (a) berlaku semasa pekerja itu di dalam cuti bersalin.

Selain daripada perhatian yang saya berikan bercuti bersalin. Di dalam Rang Undang-undang (Pindaan) itu, mahupun dalam Akta ibu akan tafsirannya iaitu siapakah yang dikatakan seorang pekerja perempuan yang berhak mendapat cuti bersalin. Adakah ini bermaksud siapa jua pekerja perempuan yang mengandung tidak kira sama ada bernikah ataupun tidak? Kalau dari segi undang-undang sahaja mengikut Seksyen 37, setiap pekerja perempuan ada berhak cuti bersalin, ia tidak mengatakan tiap-tiap pekerja perempuan yang bernikah adalah berhak mendapat cuti bersalin. Dengan ini siapa juga pekerja perempuan mahupun yang hamil di dalam nikah ataupun di luar nikah adalah berhak mendapat cuti bersalin. Adakah Kerajaan sedar akan implikasi Seksyen 37 ini, jika tidak adapun baru sedar, adakah Kerajaan berhajat untuk meminda supaya Undang-undang Kerja yang mengenai cuti bersalin ini diperuntukkan hanya kepada pekerja-pekerja yang menikah secara sah di sisi undang-undang. Kalau memang sedar dari dahulu lagi mengetahui akan akibatnya, adakah ini bermakna semenjak dari 21 tahun dahulu hingga sekarang dan bagi masa akan datang Kerajaan akan membiarkan sahaja segolongan rakyatnya yang baik dari keturunan manapun melakukan

perkara sumbang seperti ini berterusan berkekalan? Mungkin setengah daripada pendapatnya akan memperkatakan perkara seorang pekerja perempuan yang mengandung tanpa nikah tidak akan timbul sebab Seksyen 14 mengatakan:

"Seorang pekerja itu boleh dibuangkan kerja oleh sebab kelakuan yang tidak seimbang dan tidak sepatutnya dengan syarat-syarat perkhidmatnya."

Mungkin pendapat itu boleh diterima. Sekiranya ada syarat-syarat yang mengatakan ia tidak boleh mengandung tanpa nikah. Kalau tidak ada syarat seperti itu pekerja perempuan seperti itu adalah berkehendakan moral yang tinggi seperti seorang guru untuk menjadi tauladan kepada orang-orang lain. Tetapi sekiranya keadaan seperti tersebut di atas itu tidak timbul apakah pula jawapannya. Saya suka mengesyorkan supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menimbangkan semula perkara ini iaitu supaya Seksyen 37 setakat pentafsiran pekerja perempuan berhak cuti bersalin itu sahaja.

Selain daripada itu, berhubung dengan had cuti bersalin mengenai Seksyen 37. Pindaan ini memanglah dianggap seimbang dengan polisi Kerajaan menghadkan bilangan keluarga penduduk-penduduk di negara ini demi kepentingan negara kita. Tetapi saya mengharapkan pihak yang berkenaan supaya dapat membuat penerangan dan penjelasan yang lebih luas lagi mengenai perancang keluarga dan memperkenalkan lebih dekat apa dia perancang keluarga serta apa menafaat yang didapati daripada perancang keluarga, kerana boleh dikatakan lebih daripada 70% kaum wanita kita belum lagi memahami mengenai dengan perancang keluarga terutama wanita di luar bandar, pekerja wanita di kawasan pendalaman. Apa yang saya bimbangkan sekarang bila wanita-wanita yang bekerja itu mengetahui apabila bersalin akan diberi cuti dengan tidak diberi gaji selepas mempunyai tiga orang anak, oleh itu dikhuatirkan pekerja wanita itu akan berusaha untuk menggugurkan anak kandungan mereka. Jadi kejadian itu akan mendatangkan bahaya dan mengganggu kesihatan mereka pula. Bukan itu sahaja tetapi juga adalah salah dari segi undang-undang agama jika wanita Islam kita melakukannya. Saya percaya kejadian itu pasti akan senang berlaku. Dengan itu saya berharap kepada pihak yang berkenaan dan Kementerian-

kementerian yang bertanggungjawab supaya dapat memikirkan dan memberi perhatian yang lebih berat lagi demi kepentingan jenerasi kita yang akan datang.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga tahu lebih jelas dari pihak Kementerian yang berkenaan bagaimana pula jika seseorang wanita itu telah mempunyai tiga orang anak telah bercerai, atau pun suaminya meninggal, sedangkan wanita itu masih muda lagi. Oleh itu, jika ia berkahwin lagi dan jika Undang-undang ini telah meluluskan hanya dihadkan mempunyai tiga anak, sudah tentu wanita itu akan menggunakan pil perancang keluarga kerana ia diberi cuti tanpa gaji. Tentulah suami wanita itu tidak menggalakkan kerana mereka juga mahukan zuriat dan keturumannya sendiri. Jadi saya ingin tahu dari pihak yang berkenaan tidak bolehkah wanita itu setelah ia berkahwin lagi dengan suaminya yang kedua itu diberi peluang bercuti dengan dibayar gaji penuh sehingga mendapat tiga orang anak lagi. Ini ialah demi kepentingan dan kebaikan serta ketenteraman rumah tangga sesuatu keluarga.

Setakat itulah ucapan saya dan dengan ini saya mengambil peluang untuk menyokong Rang Undang-undang Ordinan Kerja (Pindaan), 1976.

5.03 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong pindaan Ordinan Kerja, 1955 yang sekarang dinamakan Akta Kerja (Pindaan) 1976. Kalau kita pandang sekali lalu pun nampak Akta ini memberi faedah yang besar kepada kaum pekerja terutamanya pekerja-pekerja yang berpangkat rendah atau berpendapatan rendah.

Saya ucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan dan seluruh pegawai Kementerian yang sentiasa nampak sesuatu yang pincang dalam Kementerian ataupun kepincangan yang dibuat oleh majikan untuk menindas pekerja maka segera Akta itu dipinda dan dibawa kepada Dewan ini untuk diluluskan. Dengan adanya Akta ini nampaklah sesungguhnya bahawa Kerajaan sentiasa

memandang berat atas kebajikan dan kepentingan pekerja di seluruh negara ini. Apa lagi kita telah masuk ke zaman pembangunan yang pesat dan usaha ini patut disanjung. Saya rasa tidak patut benar dibangkang oleh pihak Pembangkang terutama Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana janganlah memandang sesuatu yang dibawa oleh Kerajaan itu buruk semata-mata, pandanglah juga kepada kebajikan pekerja yang beratus ribu orang. Kalau sekiranya sesuatu Rang Undang-undang untuk memberikan kebajikan kepada pekerja-pekerja masih dianggap tidak baik, kita tak tahu apa yang dimaksudkan oleh Pembangkang untuk membela rakyat. Saya rasa tentulah sikap demikian itu selama hayatnya dia akan jadi Pembangkang juga, tidak boleh jadi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga sikap trade unions, pemimpin-pemimpin trade unions patutlah diberitahu bahawa usaha mereka untuk menyekat Akta ini adalah satu usaha yang bertentangan dengan kebajikan ahli-ahli yang dibelanya. Saya harap surat-khabar patut memberi siaran yang luas kepada ahli-ahli trade unions menyatakan bagaimana sikap pemimpin trade unions itu. Kerajaan hendak memperbaiki kehidupan dan kebajikan ahli-ahlinya, tetapi dibangkang oleh pemimpin trade unions. Saya rasa taligrem itu hanya dihantar oleh beberapa orang pemimpin trade unions sahaja yang hendak mencari kepentingan dan nama diri, bukan hendak membela rakyat atau ahli-ahli kesatuan yang beratus ribu orang. Dengan itu nampaklah pemimpin trade unions hanya semata-mata menggunakan wang ahli untuk mencari kepentingan diri mereka tetapi tidak membela ahli-ahlinya. Saya rasa dengan pindaan ini yang memberi banyak kebajikan bolehlah kita sebutkan seperti bayaran bersalin untuk wanita, kerja shift, kerja overtime, kerja masa cuti. Ini semuanya berkaitan dengan pekerja yang bergaji rendah yang sentiasa ditindas oleh majikan, kadang-kadang disuruh bekerja lebih masa dengan tidak ada bayaran, kadang-kadang disuruh bekerja masa cuti dengan alasan menolong. Kadang-kadang tidak tentu bayaran overtime. Ini semua berlaku dalam negara kita dan pekerja-pekerja tidak ada tempat hendak mengadu sebab tidak tahu Akta yang dibuat ini. Jadi dengan adanya Akta ini menunjukkan satu pembelaan kepada pekerja yang bergaji rendah untuk

mendapat overtime yang cukup, untuk mendapat cuti yang cukup dan untuk menetapkan kerja shiftnya yang baik dan tidak teraniaya, maka sepatutnyalah seluruh rakyat negara ini menyokong Akta ini kerana bukan setakat itu mendapat faedah bahkan pekerja-pekerja boleh appeal kepada Ketua Pengarah kalau sekiranya didapati sesuatu perkara yang terjadi tidak memuaskan hati, malahan dibenarkan appeal lagi masaalahnya kepada Menteri sendiri. Ini merupakan satu prinsip demokrasi yang paling luas yang kita beri hak kepada pekerja dengan tidak memandang dari segi pekerja apa pun.

Saya rasa ini patut dialu-alukan oleh setiap orang yang makan gaji terutama pekerja yang bergaji rendah. Dengan sebab itulah saya nampak bahawa dengan pindaan ini menunjukkan bahawa satu usaha Kerajaan yang tidak boleh dinafikan hendak memberikan menafaat kepada pekerja-pekerja dan bukan hanya melaungkan menafaat itu pada Hari Buruh 1hb Mei dengan menaikkan bendera dan melaungkan hak pekerja yang patut dituntut pada Kerajaan. Tetapi dengan cara Akta inilah yang patut dituntut pada Kerajaan. Tuntutan pekerja inilah yang patut disokong, bukan hanya kita tuntutan dengan semangat semata-mata kerana memegahkan kaum pekerja: kami pemimpin pekerja, kami tuntutan cuti 1hb Mei, buat itu, buat ini, berarak, tetapi kenapa tak menyokong hak yang boleh memberi faedah kepada pekerja itu sendiri yang mengeluarkan titik peluh setiap hari meminta pembelaan. Sebab itulah saya katakan bahawa Pembangkang tidak bijak kalau membangkang Akta ini dengan sebab dia hendak marah atau ada sentimen sedikit kepada Menteri Buruh, maka semua Akta ini tak patut disokong. Saya rasa patutlah mereka berfikir dua kali supaya rakyat kita bersama memikirkan bahawa ada menafaatnya pembangkang itu duduk dalam Parlimen ini.

Sekali lagi saya mengulangi sokongan ini dan berharap supaya Akta ini sungguh-sungguh memberi menafaat kepada seluruh kaum pekerja.

5.10 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Nampaknya saya dikehendaki memendekkan ucapan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, apa boleh buat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan consequence yang berjangka panjang yang akan didatangkan daripada Rang Undang-undang Kerja (Pindaan), 1976 ini maka terpaksa saya bangun untuk memberi sedikit ulasan atau komen.

Diketahui bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini seperti 60G dan 60H tentang faedah-faedah redundancy dan bersara sebagaimana yang terkandung di dalam Ordinan Kerja tahun 1955 adalah salah satu pindaan yang sangat-sangat merugikan kepentingan dan kebajikan kaum pekerja. Perlulah saya mengatakan di sini bahawa faedah-faedah dan perlindungan redundancy dan bersara ini sebenarnya adalah merupakan salah satunya kebajikan sosial yang asas dan perlu disediakan. Tetapi dalam pindaan ini Kementerian Buruh bukan sahaja tidak berusaha untuk memperbaiki sistem dan syarat-syarat perlindungan redundancy dan bersara ini melainkan ia bercadang untuk meminda Seksyen 60G dan 60H dari Ordinan Kerja, 1955 iaitu kedua-dua dan terpenting ini dicadang dimansuhkan. Langkah yang diambil oleh Kementerian Buruh ini adalah sangat bertentangan kebajikan dan perlindungan yang paling asas dengan kepentingan pekerja tetapi adalah meliputi kepentingan majikan dan golongan kapitalis.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi saya dapat tahu bahawa kesemua pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini tidak pernah dikemukakan dalam National Joint Labour Advisory Council iaitu sebuah badan yang terdiri daripada pihak majikan, Kementerian Buruh dan pihak pekerja yang berfungsi untuk menasihatkan pihak Kementerian kepada hal ehwal Undang-undang Buruh untuk perbincangan dan nasihatnya. Sebenarnya langkah dan sikap Yang Berhormat Menteri Buruh ini adalah dengan jelasnya membuktikan bahawa beliau langsung tidak menghormati kedudukan dan hak-hak asasi kaum pekerja sehingga idea-idea dan pandangan mereka terhadap pindaan ini diketepikan. Tidak dapat dinafikan bahawa sikap dan penghormatan yang diberikan oleh Menteri Buruh kepada National Joint Labour Advisory Council ini adalah menunjukkan bahawa beliau hanya berminat untuk

memberitahu rakyat bahawa Kerajaan akan menghormati kaum pekerja tetapi yang sebenarnya N.J.L.A.C hanya dijadikan satu showroom sahaja.

Selepas saya mengkaji dan meneliti seluruh ini kandungan Rang Undang-undang ini, saya mendapat satu kesimpulan tentang motif Kementerian Buruh mahu mencadangkan Rang Undang-undang ini dan ini ialah untuk mencipta satu climate yang dapat memerangsangkan pembangunan ekonomi di negara kita. Yang kedua, untuk memperkokohkan kepentingan kumpulan majikan dan golongan kapitalis yang tidak menghormati kedudukan kaum pekerja. Yang ketiga, untuk dengan lebih lanjutnya melemahkan kedudukan kaum pekerja dan mencerooboh hak asasi dan kepentingan kaum pekerja yang selalu tertindas dan tertekan. Kesimpulan yang saya buat tersebut sebenarnya adalah berdasarkan implikasi-implikasi yang terkandung di dalam pindaan ini.

Tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya telah juga menyentuh 60G dan 60H begitu juga tentang Bahagian IX tentang perlindungan beralin iaitu satu pindaan yang sangat tidak adil terhadap kaum pekerja perempuan. Apakah sebabnya faedah dan elaun bagi seseorang pekerja perempuan yang sudah mempunyai 3 orang anak dibatalkan? Jika sekiranya Kerajaan mahu melancarkan Perancang Keluarga untuk mengawal bilangan penduduk bertambah banyak maka tidak hanya dikenakan kepada sebilangan penduduk sahaja. Pindaan Rang Undang-undang ini juga tidak dapat mencapai tujuannya untuk mengawali bilangan penduduk bertambah banyak oleh kerana kebanyakan kaum wanita di negara kita tidak dilindungi oleh Ordinan Kerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 2B pindaan ini iaitu Yang Berhormat Menteri Buruh diberi kuasa sepenuhnya untuk mengecualikan mana-mana suatu majikan atau satu kelas majikan daripada operasi Rang Undang-undang ini. Ini adalah sangat merbahaya untuk memberikan satu kuasa yang mutlak kepada seorang Menteri kerana kekuasaan ini mudah disalahgunakan dan akan menimbulkan banyak salah faham dan kes-kes ketidakadilan dalam perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya demi kepentingan pembangunan ekonomi dan perindustrian serta keharmonian perusahaan di Malaysia, saya adalah perlu menasihatkan

dan mendesak Kementerian Buruh bahawa segala Undang-undang Buruh yang ada di Malaysia hari ini hendaklah dikaji dan ditinjau pada keseluruhannya dan bukanlah sedikit demi sedikit sebagaimana yang di jalankan sekarang. Juga jangan setiap kali pindaan atau Undang-undang Buruh baru diadakan, ini hanya menguntungkan pihak majikan sahaja, tetapi Rang Undang-undang hari ini ialah disebaliknya, hendaklah dibuat adil kepada kedua pihak.

Yang akhirnya, saya ingin menyokong apa yang telah dikatakan oleh rakan saya dari Kota Melaka, saya juga berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini patut dan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan untuk pengkajian dan penelitian yang lebih mendalam dan menyeluruh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

5.16 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Cadangan-cadangannya, saya akan memberi timbangan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, ada hujjah-hujjah yang telah dibawa oleh parti Pembangkang yang tidak betul, yang tidak berasas, saya akan menjawabnya satu demi satu. Tuan Yang di-Pertua, apa kedudukan sebenarnya, sebab ada Ahli-ahli berkata, kenapa Undang-undang ini dibuat begitu dengan such a hurry sahaja dengan tidak ada perundingan. Apa kedudukan dengan cara piecemeal sahaja, katanya. Kedudukan yang sebenarnya cadangan ini ditimbulkan mulai daripada 29hb Julai, 1974 dalam Law Committee of the N.J.L.A.C. Selepas itu ada tiga meeting Jawatankuasa ini, satu dalam bulan Ogos, 1974 dan juga bulan Mac, 1975 dan akhirnya ada satu meeting lagi dalam bulan Mei, 1976. Dalam saat itu, kedua-dua pihak, semua pihak yang berkenaan, pihak pekerja, pihak majikan telah diberi peluang yang penuh membawa pandangan menentang jikalau hendak, dan hingga sampai mesyuarat yang terakhir di mana Bill yang akhir telah siap pada 25hb Mei, 1976, saya memberi peluang lagi jikalau kata ada mana-mana provision yang tidak berfaedah kepada

pekerja, bawalah tunjuk yang mana. Saya memberi peluang lagi satu bulan sebelum Parlimen bersidang biar saya ada masa untuk membuat pindaan. Ini kedudukan yang betul. Dan daripada 7hb November, 1974 hingga sekarang, saya sendiri berdialog dengan M.T.U.C. sebanyak 13 kali lebih kurang satu bulan atau lebih dan dalam minit-minitnya perkara-perkara seperti ini bukan sahaja timbul tetapi juga berbincang dengan seluas-luasnya. Inilah kedudukan yang betul, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada perbincangan dan rundingan yang tidak rasmi yang saya dan pegawai-pegawai Kementerian saya ada berunding dengan pihak M.T.U.C. dan pihak majikan. Selain daripada itu, ada 13 mesyuarat. Selain daripada Law Committee of N.J.L.A.C., mesyuarat yang rasmi. Bolehkah itu dianggap tidak ada berunding? Bolehkah di anggap ini berjalan dengan piecemeal in a hurry sahaja? Betul, saya tidak sanggup lagi. Saya tidak sanggup menangguk Rang Undang-undang ini, kerana saya sayang kepada pekerja-pekerja. Kalau parti Pembangkang tidak suka membawa faedah-faedah kepada pekerja-pekerja, itu fasal dia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengulas sekali lagi ucapan saya apabila saya mengemukakan Rang Undang-undang ini. Cuma satu sentence sahaja, tatkala membentangkan Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang ini akan memperbaiki keadaan sekarang. Dan saya baca:

“Saya ingin menegaskan dengan penuh kepercayaan dan kepastian bahawa peruntukan-peruntukan baharu di dalam Rang Undang-undang ini tidak syak lagi adalah untuk faedah pekerja-pekerja. Tidak ada satu pun peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini yang bertentangan dengan kepentingan pekerja-pekerja.”

Saya ulaskan sekali lagi apa yang saya cakap.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membawa beberapa perkara. Satu darinya ialah berkenaan tidak membincang dengan pihak yang berkenaan. Saya telah jawab. Dan berkenaan dengan approved amenities itu ialah satu perkara yang kita sedang berunding dengan pihak M.T.U.C. dan saya kata perkara ini boleh berjalan dengan cara pentadbiran cara administrative.

Berkenaan dengan satu Commission atau Suruhanjaya Buruh untuk mengkaji Rang Undang-undang Buruh, saya fikir kita tidak payah adakan, kerana kita telah ada jentera N.J.L.A.C. untuk menajatkan. Saya mengakui iaitu satu Rang Undang-undang seperti ini mesti didapati daripada semangat timbang rasa, cermat dan bertolak ansur di dalam Jawatankuasa. Memang pihak majikan hendak banyak faedah lagi, umpamanya cuti. Sekarang cuti cuma 5 hari yang bergaji bagi peke a-pekerja. Majikan kata cukuplah itu, sebab kepentingan negara, kepentingan investment dan lain-lain. Tetapi pihak Persatuan hendak banyak; hendak 10, 15 atau 20 hari. Kita bertolak ansur dan saya sebagai Menteri sudah mengkaji sedalam-dalam hujah-hujah dari kedua belah pihak; saya kata kita naikan dua hari lagi jadi tujuh hari. Dalam tiap-tiap perkara pun seman at tolak ansur mesti ada. Ini bermakna tripartite telah diterima oleh pihak pekerja seluruh dunia (tripartitism) oleh semua pihak pekerja termasuk M.T.U.C. Kalau dikatakan kita hendak timbangkan dari sebelah pihak sahaja, tidak payah mengadakan tripartitism.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan tidak ada faedah medical. Ini sebenarnya patut diletakkan di bawah Akta Keselamatan Sosial. Apabila sampai masanya Akta Keselamatan Sosial akan mengadakan faedah medical ini.

Ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan Seksyen 60G dan 60H. Saya akan memberi keterangan sebentar lagi apabila saya menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Ahli Yang Berhormat dari Semerab bertanya kalau seorang wanita berkahwin atau tidak berhaklah mendapat elaun bersalin; berhak jawabnya. Dan juga kalau seorang wanita telah bercerai dan ada tiga orang anak kemudian kahwin lagi; berhaklah atau tidak, bahawa cadangan kami; tidak berhak. Tetapi kalau ada anak yang mati, berhaklah—three surviving children.

Pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, saya akan ambil ingatan dan siasat.

Berkenaan dengan elaun bersalin, saya telah memberi keterangan yang jelas dalam ucapan saya semalam. Sebenarnya, saya

mengambil 40 minit untuk memberi keterangan sebab-sebabnya kita mengadakan cadangan ini. Jadi, saya fikir tidak elok saya mengulang sekali lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga bertanya kenapa diadakan notis untuk pekerja-pekerja wanita yang mengandung melapurkan kepada majikan. Sebabnya perlu beri notis supaya majikan dapat mengaturkan pekerja yang akan menggantikannya dan aturan pekerjaannya.

Izinkan saya mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak dapat sebutkan satu persatu yang telah memberi pandangan. Saya anggap mengkaji pandangan-pandangan yang telah dikeluarkan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Dan satu lagi Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mengatakan adakah kuasa dicadangkan termasuk nelayan dan petani-petani? Jawabnya, ya.

Ada berapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan lain-lainnya telah berkata, kita akan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan pekerja-pekerja dari Rang Undang-undang ini. Apakah sebabnya kuasa itu cukup besar? Sebenarnya, saya telahpun menerangkan dalam ucapan saya iaitu untuk mengecualikan pekerja-pekerja di Badan-badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan (Local Authority) di mana pekerja-pekerja itu telah terlibat di dalam Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun, sebab itu kuasa dikehendaki, bukan untuk pekerja-pekerja yang lain.

Izinkan saya juga, Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Beliau telah menyebutkan satu pepatah: "gajah depan mata tidak nampak, kuman di seberang laut nampak". Inilah sikap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Satu sikap di mana beliau berfikir belianlah seorang sahaja yang mewakili rakyat. Beliaulah seorang yang ada kuasa bercakap. Satu sikap yang arrogant. Semua orang tidak layak, semuanya tidak bijak belianlah yang bijak dan layak, saya lebih layak dan lebih bijak. Sebenarnya, saya ini kali yang keempat bertanding dan tiap-tiap kali bertanding dengan D.A.P. majoriti saya

naik (*Ketawa*). Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka lupa dalam tahun 1969 apabila Ahli Yang Berhormat bertanding di Kota Melaka majoritinya 11,216 tetapi dalam tahun 1974 cuma dapat 4,200 sahaja, majoritinya sudah kurang, rakyat sudah tidak hendak

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta beliau lima tahun lagi mari bertanding di Melaka, beranikah atau tidak?

Datuk Lee San Choon: Saya hendak beri tahu, saya tidak dapat buat apa-apa seperti kata dalam bahasa Inggeris, "You can bring a horse to the river but you cannot force it to drink".

Semalam saya dengan bersusahpayah menggunakan masa Dewan selama 50 minit menerangkan fasal demi fasal sebabnya kita membuat Undang-undang ini, tetapi beliau tidak sanggup mendengarnya. Jadi, dengan sebab itu saya pun tidak payahlah hendak menjawab tegurannya itu. Kenapa sikap beliau ini ialah satu sikap yang bukan membina (not constructive) satu sikap destructive. Di mahkamah beliau telah menunjukkan sikap seperti ini? Dalam ucapannya, kami dapat melihat sikap ini ditunjuk di sini dan di sana, umpamanya, Clauses 60G dan 60H dalam Employment Ordinance, di mana saya telah mencadangkan supaya ditarik balik. Oleh kerana saya ingin memberi peluang, Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit masa untuk menerangkan, kerana apa saya hendak tarik balik. Dua tiga tahun dahulu di mana negara ini sedang menghadapi recession, ada beberapa buah kilang mengambil peluang hendak memberhentikan (retrenched) pekerja-pekerja, dan hendak bersarakan pekerja-pekerja. Di masa itu dalam Undang-undang yang ada sekarang saya lihat cuma pekerja-pekerja yang bekerja lebih daripada 3 tahun boleh meminta retrenchment allowance dan pekerja-pekerja yang telah bekerja dengan majikannya lebih daripada 5 tahun boleh meminta retirement benefit. Dengan sebab itu pekerja-pekerja yang sudah bekerja selama dua tahun 10 bulan, 2 tahun 11 bulan atau 4 tahun 10 bulan, 1 bulan atau 3 bulan; oleh sebab Undang-undang ini kita hadkan tidak ada kuasa, tidak ada hak meminta retrenchment benefit atau retirement benefit. Sebab itu, saya kata prohibitan dalam Undang-undang ini patut ditarik balik supaya saya dapat kuasa membuat regulation. Ada juga saya boleh beri contoh yang lain, pekerja-pekerja

yang bekerja dengan majikan yang kecil, yang tidak ada organisasi, tidak ada union, apabila dia kena buang kadang-kadang kalau dia kenal M.P. dia boleh minta rayuan, kadang-kadang tak dapat. Nasib mereka inilah saya hendak jaga sebab itulah saya membawa cadangan ini supaya menarik balik Clause 60G dan 60H supaya tidak ada prohibition.

Dalam Rang Undang-undang ini saya cadangkan juga Clause 42 supaya Menteri boleh membuat prescribing entitlement to and payment of retrenchment and retirement benefits. Bukan sahaja untuk pekerja-pekerja yang telah bekerja lebih daripada 5 tahun untuk retirement benefit atau lebih daripada 3 tahun untuk retrenchment benefit tetapi kepada semua pekerja; sudah bekerja satu tahun atau tiga tahunpun boleh juga dapat. Inilah tujuan saya. Ini bukankah berfaedah kepada pekerja? Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak twist. Ha! hak ini hendak tarik balik, katanya. Bermakna Menteri Buruh dan Kerajaan tidak hendak menolong pihak pekerja-pekerja. Inilah sikap tidak constructive saya kata tadi dan Clause 12 pun saya telah mengambil masa menerangkan sebab-sebabnya, tetapi beliau tidak ada mendengar, hendak hentam juga. Kalau hendak cari modal politik cari lain jalanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Lain tempat!

Datuk Lee San Choon: Lain tempat, minta maaf (*Ketawa*). Seorang Ahli Yang Berhormat yang arrogant, yang tidak mendengar, cuma dia boleh bercakap orang mendengar tetapi dia tidak mahu mendengar. Itu sikapnya.

Tuan Yang di-Pertua, a little knowledge is a dangerous thing (*Ketawa*). Beliau cuba menjadi seorang jurucakap daripada M.T.U.C. Betul beliau tahu tetapi cuma sedikit sahaja. Beliau tidak tahu apa yang telah terjadi pada akhir-akhir ini, cuma sedikit sahaja: Wah! menjadi champion pekerja-pekerja (*Ketawa*). Itu tidak betul. Dan beliau pun mengecil-mengecilkan M.T.U.C. juga. Dari satu segi beliau menyokong M.T.U.C. mengatakan kita tidak berbincang dengan M.T.U.C., kita tidak buat ini, tidak buat itu. Adakah beliau mampu M.T.U.C. dengan harapan hendak mendapat sokongan daripada pihak pekerja? Dari satu segi lain pula dia mengecil-mengecilkan M.T.U.C., katanya, mesyuarat-mesyuarat telah dimainkan oleh seorang Ketua Pengarah Buruh yang telah bersara dan

bekerja dengan satu pertubuhan majikan. Ini orang yang main-mainan undang-undang ini, sebab itulah kita dapat ini. Saya tidak hendak menahankan sesiapa, sebab ini bukan kewajipan saya, tetapi ini satu tactic yang tidak ethical dan juga kalaulah seorang Ketua Pengarah boleh manipulatekan itu seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, itu bermakna pihak majikan, pihak M.T.U.C. tidak berguna langsung. Mereka semua hadir dalam mesyuarat, kalau hendak saya boleh beri senarai nama-nama dan masa mesyuarat, kalau mahu, tetapi saya tidak hendak membuang masa Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Lee San Choon: Tetapi kalau hendak, saya boleh beri. Saya sebenarnya sebagai Menteri tidak boleh menahan pegawai-pegawai Kementerian yang telah bersara hendak bekerja di pertubuhan majikan atau kilang atau mana-mana pun seperti saya tidak berhak menahan pemimpin-pemimpin persatuan juga kadang-kadang menjadi taukeh yang besar pun ada juga. Saya tidak dapat menahan seperti saya tidak dapat menahan Ahli-ahli D.A.P. hendak masuk M.C.A., apa saya dapat menahan, tidak ada apa (*Ketawa*), hinggakan di Pulau Pinang seorang Ahli D.A.P. pun tidak ada, semua masuk M.C.A. Saya tidak dapat menahan (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Rubbish!

Datuk Lee San Choon: Itu sikap dia (*Ketawa*). Sebelum keluar dari D.A.P. orang itu bagus dan keluar dari D.A.P. itu rubbish, itulah sikapnya (*Ketawa*), sikap yang destructive, yang tidak membina.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah tunjukkan sikap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya telah memberi contoh sikap beliau. Sekarang saya hendak memberitahu analisa saya, kenapa beliau mengambil sikap ini, kenapa? Kalau kita pandang meja pihak Pembangkang, ada berapa orang, kalau semua ada — 9 orang sekarang. Ketua Pembangkang pada meeting dahulu sahaja ada Ahli lebih kurang 20 orang, tetapi sekarang separuh sudah hilang, separuh sudah menjadi Ahli dan Anggota Barisan Nasional. Ini satu kebimbangan kepada Ketua Pembangkang iaitu makin lama makin kurang sokongan

Tuan Lim Kit Siang: M.C.A. mendapat undi UMNO, itu ertinya.

Datuk Lee San Choon: Itulah sikapnya (*Ketawa*). Semalam masa beliau bercakap, saya boleh mendengar dalam bilik, saya tidak ada mendengar di sini, duduk diam sahaja. Dia hentam, katanya Menteri tidak bijak, tidak layak, saya dengar juga tetapi apabila saya menjawab

Tuan Yang di-Pertua: Ini seronok macam House of Commons debate (*Ketawa*). Sila!

Datuk Lee San Choon: Apabila saya menjawab, sudah tidak tahan. Saya bernasib baik mempunyai seorang Tuan Yang di-Pertua yang adil (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Semalam Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hentam Yang Berhormat Menteri, dan sekarang Yang Berhormat Menteri berbak menjawab. Ini cara hukuman orang tengah (*Ketawa*).

Datuk Lee San Choon: Saya kata tadi . . .

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, apa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah berucap semalam?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tidak ada di sini semalam awal-awal. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah bercakap lebih daripada 10 minit mengenai perkara-perkara yang tidak ada dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, saya ada di sini semalam.

Tuan Yang di-Pertua (Kepada Tuan Ngan Siong Hing): Jemput duduk!

Datuk Lee San Choon: Beliau telah lihat bahawa kekuatan mereka makin lama telah makin kurang—makin lemah. Beliau telah lemah. Beliau telah berasa sunyi (*lonely*), desperate.

Tuan Yang di-Pertua: Berasa “keso-orangan” (*lonely*).

Datuk Lee San Choon: Ya—keso-orangan, sebab makin lama, makin Ahli tidak hendak hadir, jadi makin lama makin *lonely*.

Tuan Yang di-Pertua: Bila tidak ramai, tidak bisingslah, jadi sunyi. (*Ketawa*).

Datuk Lee San Choon: Terima kasih. Sebab itu beliau tidak ada modal politik lagi dan rakyat tidak menyokong kepada beliau dan parti beliau.

Saya sudah kata berkenaan pilihanraya. Selepas Pilihanraya Umum dan kita dapati Pilihanraya Kecil yang telah diadakan di Selayang di mana wanita M.C.A. telah menang dengan cemerlangnya, dan di Lunas parti D.A.P. sudah hancur.

Tuan Lim Kit Siang: UMNO bukan M.C.A.—Kalau tidak ada UMNO, M.C.A. habis.

Datuk Lee San Choon: Itulah sikap mereka lagi (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bercakap semacam itu di luar, saya kena hentam (*Ketawa*). Pihak M.C.A. telah menunjukkan tiap-tiap kali menang apabila bertanding dengan D.A.P.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini bukan saya hendak menunjukkan betapa kuatnya M.C.A.—bukan. Dengan tujuan menunjukkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat kenapa, sebab apa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berpanas hati dengan M.C.A. Kenapa? Sebab apa dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam hendak hentam M.C.A. sahaja. Sebab tidak ada modal lain lagi. Jadi, beliau ini jadi sebagai seorang yang sudah nampaknya kekuatannya semakin lama semakin kurang, beliau dan ahli-ahlinya semakin lama semakin cabut (*Ketawa*). Jadi, beliau sees ghost in everything, witch-hunting. Dalam Rang Undang-undang inipun tengok, hantu banyak. Hantu di sini, hantu di sana. Tengok, hantu banyak. Sebenarnya tidak ada hantu, Tuan Yang di-Pertua. Tujuan kami bagus, suci

Tuan Yang di-Pertua: Dalam Dewan ini kertas dengan dakwat sahaja, hantu tidak ada (*Ketawa*).

Datuk Lee San Choon: Saya berasa he goes on ghost-hunting, witch-hunting. Saya hendak jawah. Jadi tidak ada hantu dalam Rang Undang-undang ini. Tidak ada hantu dalam Dewan ini. Kalau ada hantu pun cuma hantulah yang boleh nampak ada hantu, saya tidak nampak (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, itu betul, kerana hantu tidak boleh nampak sendiri (*Ketawa*).

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap Inggeris, dengan izin, iaitu rhetoric cannot hide his political weakness, neither is it a substitute for his political strength. Saya bersimpati dengan keadaan ini, tetapi saya minta jangan di mana tengok ada bayang hantu sahaja, di situ ada hantu. Tidak usah begitu. Saya minta juga jangan membuang masa Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak akhir jawapan saya ini dengan satu perkataan dalam Cantonese yang berbunyi: “*sei kai cung ngan keok*” (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan bahasa Parlimen. Yang Berhormat Menteri kenalah gunakan dalam Bahasa Kebangsaan.

Datuk Lee San Choon: “*Sei kai cung ngan keok*” bermakna

Tuan Yang di-Pertua: Penulis hendak tulis pun tidak tahu. (*Ketawa*)

Datuk Lee San Choon: “*Sei kai cung*” bermakna last kicks of a dying man. Seorang yang hampir mati atau seekor ayam yang kita potong hendak mati, kakinya kena tendang sedikit (*Ketawa*)—itu maknanya “*sei kai cung ngan keok*.” (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya menjawab.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan mesyuarat 58, saya mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan. Sebabnya ialah oleh kerana kita baru nampak satu political performance yang sangat seronok yang menunjukkan bahawa bankruptcy politik M.C.A. Tetapi perkara yang lebih mustahak kepada saya, ialah hujjah-hujjah yang saya ada kemukakan point by point, nampaknya beliau kata dia tidak payah jawab. Tunjuk, bukan saya arrogant. I despair for the workers. Oleh kerana

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, dalam cadangan membuat usul mencadangkan selepas bacaan kali yang kedua

suatu Rang Undang-undang itu diendarkan kepada Jawatankuasa Pilihan, tidak boleh debate, kena diundikan terus

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak bahaskan, tetapi saya kemukakan sebab-sebab. Bukan bahas, saya kemukakan kenapa saya

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Ahli Yang Berhormat beri sebab-sebab, jadi tidak boleh debate apa-apa.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Usul ini ada Ahli yang sokong?

Tuan Lim Kit Siang: Saya kemukakan usul ini oleh kerana usul ini mustahak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang telah dibawa satu usul oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa Rang Undang-undang ini yang telah dibaca kali yang kedua tadi diedarkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan. Jadi, bila diedarkan kepada Jawatankuasa Pilihan, kalau dipersetujukan maknanya selepas daripada bacaan kali yang kedua, hanya boleh dirundingkan oleh Jawatankuasa itu detail-detailnya sahaja, prinsipnya tidak boleh. Sekarang saya kemukakan usul ini untuk timbangan Dewan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita pergi kepada Jawatankuasa. Oleh sebab telah diputuskan usul ini, kita sekarang beredar kepada peringkat Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa.

Rang Undang-undang diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12—

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya ada memberi notis untuk membuat beberapa pindaan kepada pindaan

Tuan Pengerusi: Bilakah Ahli Yang Berhormat beri notis? Saya tidak ada apa-apa di atas meja saya ini.

Tuan Lim Kit Siang: Notis telah diberi lebih daripada satu minggu kepada Setiausaha mengikut peraturan-peraturan Dewan.

Tuan Pengerusi: Memberi notis dua hari dahulu pun tidak apa, tetapi saya tidak ada menerima apa-apa notis. Tidak ada terima apa-apa notis.

Tuan Lim Kit Siang: Notis itupun ada di semua

Tuan Pengerusi: Yang saya ada di sini ialah pindaan-pindaan yang akan dicadang oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada memberi notis dan saya ada nampak semua Ahli-ahli pun ada dapat pindaan itu dan barangkali tidak diletak di atas meja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi: Saya sebagai Yang di-Pertua akan menyelenggarakan apa kertas yang ada di depan saya. Ahli Yang Berhormat kata ada beri notis. Saya tidak ada apa-apa notis di sini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tentu ada memberi notis.

Datuk Lee San Choon: Saya pun ada memberi notis juga.

Tuan Pengerusi: Ya, notis Yang Berhormat Menteri ada di sini.

Datuk Lee San Choon: Bolehkah saya cadangkan, Tuan Yang Pengerusi?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, kita sekarang dalam Fasal 1 hingga 12. Oleh kerana saya tentu ada beri notis dengan mengikut peraturan-peraturan dalam Standing Orders, tetapi malangnya tidak ada, bolehkah saya cadang kita tangguhkan, siasat perkara ini.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak beri notis mengikut peraturan sekurang-kurangnya diberi satu hari notis. Semalam boleh beri notis.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah memberi lebih daripada satu hari notis.

Tuan Pengerusi: Saya kata tidak payah 14 hari tetapi tidak ada notis di depan saya ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi itu bukan silap saya.

Tuan Pengerusi: Itu saya tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada beri notis, atau Parlimen tidak efficient, atau dengan apa-apa sebab, saya mahu tahu. Adakah perkara ini berlaku secara sengaja atau tidak sengaja oleh kerana notis telah diberi?

Tuan Pengerusi: Itu boleh kita ambil ingatan di dalam peringatan mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Setiausaha atau Penolong Setiausaha confirm notis telah diberi? Kita ada Standing Orders, Tuan Pengerusi dan tentu kita kena ikut. Apa yang telah berlaku dalam Dewan Rakyat ini, Tuan Pengerusi? Notis telah diberi tetapi tidak diterima. Saya mahu bertanya, apa telah berlaku dalam Dewan Rakyat ini, Tuan Pengerusi. Adakah jenayah semalam. Sekarang notis diberi tidak diterima. Saya mahu tanya.

Tuan Pengerusi: Saya tidak boleh kata mengenai fasal itu. Saya tidak ada terima apa-apa notis.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta bahawa Dewan ini ditangguhkan oleh kerana saya mengikut peraturan-peraturan mesyuarat. Sekiranya itu ada berguna.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya teruskan dengan notis yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum itu saya membuat comment mengenai fasal-fasal yang ada dikemukakan bukan mengenai pindaan Yang Berhormat Menteri hendak cadangkan.

Tuan Pengerusi: Jika hendak membuat apa-apa comment di atas mana-mana fasal dalam Jawatankuasa, boleh komen.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu komen mengenai . . .

Tuan Pengerusi: Tetapi tidak boleh buat apa-apa pindaan, sebab tidak ada notis.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya berdiri buat komen?

Tuan Pengerusi: Boleh komen, tetapi jika sekiranya komen Ahli Yang Berhormat yang telah dibuat semalam, saya tidak benarkan. Ulangkan maknanya, merugikan masa sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Saya datang di sini bukan buang masa. Itu masa rakyat jelata. Tidak ada seorang yang buang masa.

Tuan Pengerusi: Saya yang menghukumkan dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu.

Tuan Pengerusi: Siapa dia membuang masa dan siapa dia tidak membuang masa?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak membuang masa.

Tuan Pengerusi: Saya benarkan Ahli Yang Berhormat, apa hendak komen. Silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Pertama, Fasal 2. Difinasi ini sangat complicated. Kenapa kita tidak boleh membuat difinasi-difinasi yang saya ada cadangkan dalam pindaan-pindaan tetapi itu telah hilang. Boleh hilang dalam Dewan Rakyat—the apex of the nation. Di manakah difinasi “employee” disimplifikan, dimudahkan ialah “employee means a person who has entered into or works under a contract of service with an employer, under which such person’s salary does not exceed 750 ringgit a month but does not exclude a person engaged in a vessel registered in the States of Malaya”. Kenapa mahu komplikasi-komplikasi di mana ada Schedule, I, II di mana Yang Berhormat Menteri boleh kecualikan? Satu difinasi yang mudah.

Tuan Pengerusi: Habis? Lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Difinasi “confinement.”

Tuan Pengerusi: Difinasi apa?

Tuan Lim Kit Siang: Difinasi “confinement”.

Tuan Pengerusi: Di mana, muka berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Fasal 2. Ada peruntukan mengenai maternity allowance. Sekarang inilah peluang untuk memudah difinasi "confinement".

Fasal 4, seksyen baru 2A (3) seksyen baru 2B sebab-sebab yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dalam jawapannya tidak sesuai dan tidak memuaskan hati. Beliau kata perlu seksyen baru 2B diadakan oleh kerana mengecualikan pekerja-pekerja di Majlis Tempatan, pekerja-pekerja di Badan-badan Berkanun mengikut Lapuran Harun. Sekiranya sebab itu kenapa tidak tersekat (restricted) sahaja, mahu kuasa yang luas. Itulah sebab apa yang ditunjuk-tunjukkan dalam Dewan ini perkara-perkara yang sangat anih, sebab bukan sahaja saya tetapi semua orang tidak percaya Yang Berhormat Menteri Buruh boleh menjalankan kuasanya dengan adil dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi: Komen apa lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Fasal 12, tadi Yang Berhormat Menteri telah berkata saya tak dengar sebab-sebab yang diberinya semalam. Kenapa ada peruntukan itu dan kenapa dia mahu tarik balik. Bukan sahaja saya ada dengar dengan teliti, saya pun membaca apa dia telah tulis di dalam suratkhobar. Bolehkah beliau memberi tahu Dewan ini kenapa satu sebab yang dia beri dalam ucapannya, tetapi dia tidak membaca telah dicetak dalam suratkhobar China? Tetapi dia tak beri. Itu menunjukkan saya faham, saya teliti, bukan macam dia, selalu tidur. Tadi minum-pun lagi tidur. Tak tahu apa sebab-sebab.

Tuan Pengerusi: Habislah setakat itu dahulu. Ahli Yang Berhormat, duduk! Soalan sekarang ialah Fasal 1 hingga 12 hendaklah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang ini.

Datuk Lee San Choon: Tuan Pengerusi, saya telah memberikan notis dan saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 12 yang peruntukan knasa bagi pengecualian supaya dibatalkan dan memberi nombor semula fasal-fasal berikut juga terlibat. Saya telahpun menerangkan alasan-alasan mengenai pindaan ini di dalam ucapan saya ketika membentangkan Rang Undang-undang ini.

Pindaan di kemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 12 diperintahkan dipotong dari menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 13 hingga 22—

Datuk Lee San Choon: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Fasal-fasal 13 hingga 22 dinomborkan semula masing-masing sebagai Fasal-fasal 12 hingga 21, sebagaimana kertas pindaan yang telah diedarkan.

Fasal 13 hingga 22 diperintahkan menomborkan semula masing-masing sebagai Fasal 12 hingga 21.

Fasal 23—

Datuk Lee San Choon: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan satu pindaan dalam Fasal 23, sebagaimana pindaan yang telah diedarkan. Pindaannya adalah seperti di bawah ini:

Clause 23—

Substitute for paragraph (a) the following—

"(a) by inserting after subsection (1) the following subsection (1A)—"

"(1A) Notwithstanding subsection (1) and the interpretation of the expression "day" in subsection (1) of section 2, in the case of an employee engaged in shift work any continuous period of not less than thirty hours shall constitute a rest day."

Fasal 23—

Gantikan perenggan (a) dengan yang berikut—

"(a) dengan memasukkan seksyen-kecil (1A) yang berikut selepas seksyen-kecil (1)—

"(1A) Notwithstanding subsection (1) and the interpretation of the expression "day" in subsection (1) of section 2, in the case of an employee engaged in shift work any continuous period of not less than thirty hours shall constitute a rest day."

Saya telah menimbangkan semula pandangan-pandangan dari kedua-dua pihak majikan dan pekerja mengenai peruntukan cuti rehat mingguan bagi shift workers.

Berkenaan dengan perbincangan mengenai pindaan yang telah terdahulu mengenai definisi hari saya telahpun menerangkan bahawa hari yang berkaitan dengan shift workers ialah "any continuous period of twenty-four hours." Saya tidak dapat menerima hujjah-hujjah bahawa seorang yang cuti mingguan bagi seseorang shift worker hendaklah termasuk satu tempoh 24 jam yang dikira dari midnight to midnight. Konsep ini tidaklah realistic. Sebab pertama pekerja-pekerja giliran (shift workers) telah menjadi pekerja biasa perindustrian. Jika sekiranya kita ingin menikmati faedah-faedah perindustrian kita semua perlulah menyesuaikan diri kita pada peruntukan keperluan di dalam pekerjaan industri-industri. Seseorang shift worker mestilah mengakui iaitu selepas menjalankan kerja-kerja giliran di waktu malam beliau hendaklah rehat dan tidur di waktu siang hari. Sebab kedua jika kita menetapkan satu tempoh cuti mingguan yang panjang seseorang shift worker itu akan dihalang dari menjalankan semua kerja-kerjanya selepas cuti mingguan. Ini tidak dapat merupakan faedah kepada dirinya dan juga majikannya.

Dalam pertimbangan perkara ini dan demi untuk kepentingan kedua-dua pihak majikan dan pekerja, saya berpendapat bahawa tujuan untuk menentukan seseorang shift worker itu mendapat cuti rehat yang cukup adalah diberi oleh satu peruntukan yang menyatakan bahawa cuti rehat hendaklah a continuous period of at least 30 hours.

Perkara itu akan mendapat cuti rehat mingguan yang cukup dan dapat menjalankan kerja-kerja giliran biasa dan mendapat ganjiran yang setimbang. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu sebut

Tuan Pengerusi: Fasal 23, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya hendak sebut Fasal 30.

Tuan Pengerusi: Fasal 30? Biar selesai dahulu Fasal 23 ini.

Tuan Lim Kit Siang: Selepas ini boleh kita

Tuan Pengerusi: Boleh. Sekarang Yang Berhormat Menteri telah mencadangkan pindaan kepada Fasal 23 sebagaimana yang ada dalam kertas pindaan yang diedarkan dalam mesyuarat ini.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 23 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang, dan dinomborkan semua sebagai Fasal 22.

Fasal 24 hingga 44—

Tuan Lim Kit Siang: Fasal 30, 60G, 60H yang sebenarnya saya bertujuan hendak membuat (pindaan) kepada pindaan dan sekarang saya mempunyai salinan surat saya kepada Parlimen yang bertarikh 1hb Julai, 1976—ini salinannya, saya tidak tahu kenapa pindaan ini hilang—saya boleh beri sekiranya sudah hilang dalam Parlimen. Saya harap satu siasatan dibuat dan satu lapuran diberi kepada Dewan ini oleh kerana itu mustahak. Sekiranya notis-notis yang rasmi diberi boleh hilang, siapa boleh mempunyai kepercayaan kepada keselamatan atau process beri notis.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat serabkan surat itu kepada Setiausaha.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi: Itu sahaja komen?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak Fasal 60G dan 60H tadi Yang Berhormat Menteri ada memberi sebab-sebab kenapa mahu tarik balik Fasal 60G dan 60H. Dia kata tarik prohibition sekarang 60G dan prohibition pekerja-pekerja yang tidak kerja lebih tiga tahun tidak boleh dapat retrenchment, dia kata tarik prohibition sahaja dan tinggal hak, tetapi dalam amalan semacam ini tarik itu prohibition, dia tarik hak juga keluar. Tidakkah dia sedar bahawa sekarang dengan pindaan ini pekerja-pekerja tidak ada legal right kepada retrenchment benefit dan retirement benefit, tidak bolehkah otaknya yang cetek itu faham perkara itu?

Tuan Pengerusi: Oh! (Ketawa).

Tuan Lim Kit Siang: Saya terperanjat dia tidak boleh faham perkara itu. Betul sekarang dia ada kuasa. Dia ada kuasa untuk memberi retrenchment benefit dan quantum tetapi itu

terpulang kepada discretionnya, hak-hak legal yang tidak boleh ditarik balik, telah hilang. Sebab itu saya tidak marah apa dia buat tadi. Performance oleh kerana circus tadi tidak ada sebab yang boleh jawab semacam Fasal 60G dan 60H sebab itu dia mahu buat circus, tetapi apa yang kita nyata dengan perkara ini. Dia tidak boleh fabam bukan satu kali, dalam persidangan ini sudah dua tiga kali menunjuk dia tidak fabam Undang-undang sendiri. Saya bukan arrogant, saya despair, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya dengar tadi Ahli Yang Berhormat tarik balik; ini dia buat peraturan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata bila dia tarik balik prohibition, dia tarik juga legal right itu keluar. Saya boleh beri dia jalan. Jikalau dia tidak setuju, dia tidak boleh jawab ini. Dia tarik prohibition, dia tarik keluar juga legal right; sekarang dia sendiri ada discretionary power, mahu beri atau tidak mahu beri. Tetapi pekerja telah hilang the legal right after three years, after five years, to retrenchment and retirement benefits respectively. Tuan Pengerusi, why can't the Honourable Minister fabam satu perkara yang mudah? If I am wrong, I am prepared to be corrected. Can he say I am wrong. He cannot, because I am right.

Tuan Pengerusi: Cakap dalam Bahasa Kebangsaan, melainkan dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau boleh kata saya silap, saya duduk dan dengar; dia tidak boleh, dia tahu dia tarik keluar prohibition dia tarik keluar legal right to retrenchment and retirement benefits and such a Minister says he cannot understand. No wonder they despair and to his embarrassment they laugh and they laugh at him probably. But then I despair. Such a simple thing shows how cetek his otak is. I am not trying to be

Tuan Pengerusi: Saya minta bercakap dalam Bahasa Kebangsaan supaya orang ramai faham.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu ulangi apa yang ditunjukkan tadi, pertunjukkan circus walk, satu tong yang kosong sangat besar bunyinya, tetapi apa yang kita hendak ialah ertinya. Tuan Pengerusi, saya minta satu penjelasan adakah beliau setuju

bila dia tarik keluar prohibition, dia tarik keluar legal rights, dan sekarang apabila Rang Undang-undang ini jadi law, seorang pekerja tidak ada lagi legal right to retrenchment and retirement benefits. Itu terpulang kepada Menteri mahu beri tidak mahu beri. Bolehkah dia jawab, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Sekarang beri peluang dia jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Saya beri peluang. lepas itu saya jawab lagi.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, Fasal 60G ini berbunyi—

"No labourer who has been in continuous service with an employer for less than three years shall be entitled to any retrenchment benefit on the termination of his service by the employer on the ground of redundancy or by reason of any reorganisation of the employer's profession, business, trade or work."

Maknanya, tidak ada pekerja yang telah bekerja kurang daripada tiga tahun berhak mengadakan retrenchment benefit.

Fasal 60H berbunyi—

"No labourer who has been in continuous service with an employer for less than five years shall be entitled to any retirement benefit other than the sums payable under the Employees Provident Fund Ordinance on the cessation of his service with the employer".

Saya telah terangkan tadi iaitu tujuan saya masa resesi apa yang telah berlaku. Jadi, sayapun tahu bukan saya bodoh macam Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya tahu ada satu Industrial Court case, judgment-nya iaitu selepas tiga tahun dan selepas lima tahun berkhidmat dalam 60G dan 60H—selepas tiga tahun berkhidmat: "There is an implied right". Saya tahu, saya faham "there is an implied right", tetapi dalam Rang Undang-undang ini tidak kata berapa banyak retirement benefit, quantum tidak ada.

Jadi, apabila mula kita adakan idea ini, kita berbincang dengan pihak Attorney-General. Kalau ikut fikiran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semua lawyer-lawyer dalam Attorney-General's Chambers tidak berguna langsung dan yang ada pengalaman bertahun-tahun pun tidak betul, cuma dia sahaja, tahu, dia tahu macam mana. Saya

bukan tidak faham, saya faham bila kita bawa pindaan ini, kalau kita tidak tarik kedua-dua Fasal ini, kita tidak boleh membuat peraturan untuk pekerja-pekerja, umpamanya, kurang daripada tiga tahun untuk retrenchment benefit, kurang memberi retirement benefit kepada pekerja-pekerja kurang dari lima tahun. Atas nasihat peguam-peguam dan Parliamentary Draftsman dalam Attorney-General's Chambers, caranya ialah tarik balik fasal ini dan masukkan dalam Clause 42 dengan memberi kuasa kepada Menteri "prescribing entitlement to and payment of retrenchment and retirement benefits."

Saya kata bukan hendak tarik hak-hak pekerja, kalau dikatakan ini semuanya salah dan tidak betul, dalam undang-undang pun tidak ada spell out quantum, what is the quantum of retrenchment and retirement benefits needs to be spelled out. Jadi kalau hendak bersihkan ini, kena tarik balik, tidak usah diadakan prohibition ini, iaitu cuma lebih daripada 3 tahun baru berhak dan juga lebih daripada 5 tahun baru mendapat hak. Prohibition ini, saya hendak tarik balik supaya saya sebagai Menteri Buruh dapat prescribe regulations. Saya telah terangkan beberapa kali. Saya tahu apa yang saya buat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, atas perkara ini.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Mengikut peraturan mesyuarat dalam Jawatankuasa, seorang boleh berdiri bercakap lebih daripada satu kali.

Tuan Pengerusi: Saya tahu, saya tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak puas hati di atas sebab-sebab yang diberikan oleh kerana dia telah tipu rakyat . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri telah menjawab atas perkara ini; atas perkara lain, boleh Ahli Yang Berhormat sentuh. Atas Fasal 30 juga sudah dijawab—habis; maknanya bercakap tiap-tiap kali itu perkara lain pun boleh di sentuh, tetapi perkara yang disentuh itu telahpun dijawab, itu sudah selesai.

Tuan Lim Kit Siang: Bohong pun boleh? Bohong pun boleh diterima?

Tuan Pengerusi: Jikalau Ahli Yang Berhormat hendak bohong, itu lain kira.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berikan satu peluang, menunjukkan dia bohong.

Tuan Pengerusi: Itu lain kira.

Tuan Lim Kit Siang: Macam itu tak guna; perbincangan tidak berguna. Saya walk out.

(Ahli-ahli D.A.P. keluar Dewan)

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 24 hingga 44 sebagaimana yang dipinda dan dinomborkan semula masing-masing sebagai Fasal 23 hingga 43 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (STOK PENIMBAL TIMAH ANTARA- BANGSA)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

Timbangan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan "satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membenarkan wang sebanyak tidak lebih daripada satu ratus lima puluh juta ringgit dipinjam untuk membiayai pembayaran bahagian Persekutuan dalam Stok Penimbal yang akan ditubuhkan di bawah Perkara 20 Perjanjian Timah Antarabangsa, 1976 dan bagi maksud-maksud bersampingan dengannya" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Akta ini ialah untuk membolehkan Kerajaan meminjam hingga \$150 juta untuk membiayai Stok Penimbal Timah yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Timah Antarabangsa yang Kelima yang mana Malaysia adalah sebuah negara yang menandatangani. Satu Kertas Puteh tentang perkara ini bersama-sama dengan satu salinan Perjanjian Timah Antarabangsa yang Kelima telahpun

dikemukakan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Persidangan yang lepas sebagai Kertas Perintah 6/76.

Perjanji Timah Antarabangsa yang Kelima ini mula berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1976 dan dengan itu Akta ini akan dikuatkuasakan dari tarikh itu. Rang Undang-undang ini tidak dapat dibentangkan dalam Persidangan Dewan Rakyat yang lepas oleh kerana Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Kelima ini belum lagi disahkan oleh semua negara-negara yang menandatangani.

Di bawah peruntukan Perjanji yang Kelima, tiap-tiap sebuah negara pengeluar yang menandatangani dikehendaki membuat sumbangan kepada Stok Penimbal Timah yang seimbang dengan bahagiannya dalam keseluruhan hak-hak Pengundi, dan keseluruhan hak-hak mengundi meliputi 20,000 tan logam timah yang dinilai di atas harga lantai pada masa sumbangan itu dibuat. Malaysia memiliki 43.6% daripada keseluruhan undi negara-negara pengeluar dan di atas dasar ini sumbangannya ialah kira-kira \$144,000,000. Walau bagaimanapun, untuk membuat peruntukan bagi keadaan-keadaan yang tak diduga dalam mengendalikan Stok Penimbal Yang Kelima ini, Akta ini meminta persetujuan untuk meminjam sebanyak \$150,000,000.

Pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan di bawah Akta ini akan dibayar dari pungutan cukai cess yang dikenakan ke atas bijih timah padat yang dikeluarkan oleh pelombong-pelombong dalam negeri. Apabila terbubarkan Stok Penimbal ini, hasilnya akan dibahagi-bahagikan kepada pelombong-pelombong yang berkenaan.

Tujuan Fasal 4 Akta ini ialah untuk membuat peruntukan bagi jurang masa antara pungutan cukai cess dan pembayaran pinjaman yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Rang Undang-undang yang bertajuk Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi membenarkan sebanyak tidak lebih \$150 juta dipinjam untuk membiayai bayaran bahagian Persekutuan dalam setok penimbal yang akan ditubuhkan di bawah Perkara 20 Perjanji Timah Antarabangsa 1976 dan bagi maksud-maksud bersampingan dengannya yang telah dikemukakan dan disokong untuk bacaan kali yang kedua, sekarang terbuka untuk perbahasan.

Waktu sudah cukup.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita ada satu cadangan Ucapan Penangguhan yang akan dibuat oleh Yang Berhormat Tuan S. Samy Vellu yang dicadangkan untuk ditunda atau ditangguhkan pada satu hari lain. Jadi, pada petang ini tidak ada Ucapan Penangguhan. Usul untuk menangguhkan Majlis ini telah dicadang dan disokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Jumaat, 16hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.